

Jilid II
Bil. 63



Hari Khamis
29hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Hussein bin Mahmud—Kebenaran [Ruangan 8971]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8971]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 9002]

Anggaran Pembangunan, 1985:

Jawatankuasa—

Maksud P. 60 [Ruangan 9004]

Maksud P. 61 [Ruangan 9018]

Maksud P. 62 [Ruangan 9059]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 60 [Ruangan 9004]

Maksud B. 61 [Ruangan 9018]

Maksud B. 62 [Ruangan 9059]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE
PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN
HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI
SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI,
D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan
Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 29hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN
TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

CUTI Y.B. TUAN HUSSEIN
BIN MAHMUD—KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, Yang di-Pertua telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Hussein bin Mahmud, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Tanah Merah dari 26hb November, 1984 hingga 6hb Disember, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

FELDA—RANCANGAN
TANAMAN SEMULA
GETAH

1. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan

berapa banyakkah rancangan-rancangan getah FELDA telah ditanam semula. Adakah benar masa menoreh rancangan FELDA lebih singkat jika dibanding dengan ladang-ladang swasta. Jika benar kenapakah boleh terjadi demikian dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bilangan rancangan-rancangan getah FELDA yang telah mula diusahakan untuk ditanam semula ialah sebanyak lima buah. Rancangan-rancangan ini ialah di Bukit Tembaga, Sendayan, Calok, Gedangsa dan Bilut. Rancangan-rancangan ini telah menoreh di antara 17 hingga 21 tahun sebelum kawasan ladangnya ditanam semula.

Pada amalannya, jangka masa pokok getah itu boleh ditoreh sebelum ditanam semula adalah sama bagi semua ladang-ladang getah sama ada di FELDA ataupun di ladang-ladang swasta.

Walau bagaimanapun, ada beberapa faktor yang boleh mempengaruhi tempoh menoreh itu terutama sekali kecekapan dan mutu kerja penorehan yang dilakukan. Kerja penorehan yang jimat, cekap dan mengikut peraturan akan menjamin kulit pokok getah tidak rosak dan boleh mengeluarkan hasil mengikut tempoh yang maksima.

Sebaliknya, mutu kerja yang tidak cekap, kurang mahir boleh merosakkan kulit pokok dan justeru memendekkan tempoh pengeluaran hasil yang maksima di samping pengurusan yang cekap.

Menyedari akan hakikat di atas, maka langkah-langkah berikut diambil bagi memastikan mutu torehan adalah sentiasa baik dengan cara:

- (1) Memberi latihan awal kepada peneroka-peneroka sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum mereka dibenarkan menoreh, di samping latihan-latihan ulangan kepada peneroka-peneroka yang didapati masih lemah;
- (2) Mengadakan pegawai khas di rancangan iaitu "Jurutoreh" yang bertanggungjawab untuk memberikan latihan dan pengawasan ladang; dan
- (3) FELDA akan mengkaji teknologi-teknologi baru yang diusahakan oleh Badan-badan Penyelidik seperti Pusat Penyelidikan Getah (RRI) dan lain-lain dalam bidang penorehan, baka-baka tanaman yang baik dan lain-lain.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada 5 rancangan yang telah melaksanakan penanaman semula FELDA ini berapakah rancangan yang ditanam dengan getah dan berapakah rancangan yang ditanam semula dengan kelapa sawit?

Yang kedua, saya ingin tahu apakah bentuk strategi yang mungkin ada pada FELDA untuk menghadapi konflik di antara peneroka satu-satu rancangan tanah FELDA di mana tanah rancangan itu akan ditanam semula di mana sebahagian daripada peneroka-peneroka bersetuju untuk mengekalkan tanaman lama dan sebahagian daripada peneroka itu memohon supaya jenis tanaman lama itu ditukar misalnya daripada getah

kepada kelapa sawit—separuh getah separuh kelapa sawit. Apakah strategi yang ada pada FELDA untuk menghadapi konflik seumpama ini kerana perkara ini berlaku, ada di rancangan tanah FELDA sekarang ini sehingga menyebabkan proses penanaman semula rancangan tanah tersebut tergendala buat beberapa ketika?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di antara 5 rancangan yang ditanam semula itu ada di antaranya yang ditanam getah semula dan ada juga ditukarkan kepada kelapa sawit dan penukaran ini bergantung kepada penyesuaian tanah di rancangan-rancangan yang berkenaan.

Masalah konflik tentang wujudnya sebilangan daripada peneroka-peneroka yang memang tidak mahu tanaman semula dan tidak mahu tukar pokok yang asal kepada kelapa sawit, memang perkara ini pihak FELDA menghadapinya dan buat setakat hari ini pihak FELDA hanya memberi fahaman kepada mereka mengapa pertukaran itu perlu dilakukan tetapi walau bagaimanapun, bilangan mereka yang enggan untuk mengikut arahan-arahan daripada pihak Pentadbiran FELDA itu bilangannya tidak ramai dan tidak menjejaskan usaha kita ke arah menuju kepada matlamat yang dikehendaki oleh pihak Pentadbiran.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila satu-satu Rancangan FELDA itu ditanam semula sudah tentu pendapatan peneroka jatuh merosot sedangkan mereka telah biasa dengan pendapatan purata sekarang ini dan umur mereka pula telah bertambah lanjut.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah perancangan FELDA untuk

membantu peneroka-peneroka ini supaya taraf kehidupan mereka tidak jatuh merosot.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun rancangan-rancangan yang terpaksa ditanam semula kerana sampai umur dan sebagainya, pihak peneroka dari segi pendapatannya walaupun berlaku penjejasan sedikit sebanyak daripada pendapatan yang agak maksima sebelum ini tetapi pihak FELDA memberi sugu hati yang tertentu kepada peneroka-peneroka yang terlibat di mana rancangannya ditebang semula.

INSTITUT SUKAN NEGARA— PERANAN

2. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan peranan yang akan dimainkan oleh Institut Sukan Negara, memandangkan ahli-ahli sukan negara selalunya menemui kekalahan apabila bertanding di peringkat antarabangsa, dan berapakah peruntukan untuk mendirikan Institut ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menetapkan tapak seluas 82.96 hektar di Bukit Jalil, Mukim Petaling, Wilayah Persekutuan untuk pembinaan Institut Sukan Negara.

Kementerian ini telah mengambilalih tapak tanah tersebut yang telah menelan belanja sebanyak \$25 juta bagi pembinaan Institut ini dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyediakan butir-butir terperinci mengenai rekabentuk Kompleks Institut Sukan Negara ini.

Institut ini selain daripada berperanan sebagai sebuah pusat untuk menjalankan latihan-latihan ia

juga mengadakan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan sukan, menjalankan penyelidikan sains sukan dan dijangka dapat berperanan sebagai pusat sumber bagi kegiatan sukan di negara ini.

Peruntukan bagi pembinaan Institut ini belum diadakan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bercadang melaksanakan pembinaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Pembinaan Institut Sukan Negara merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan di negara ini. Di samping itu Kementerian juga mengambil langkah-langkah lain seperti mengadakan skim perangsang bagi ahli-ahli sukan, peluang latihan scientific dan berkualiti kepada ahli-ahli sukan yang berpotensi baik di dalam negeri ataupun di luar negeri. Penekanan juga diberi untuk memperkukuhkan organisasi dan rangkaian komunikasi di kalangan badan-badan sukan, menjalankan latihan bagi pegawai-pegawai persatuan sukan supaya mereka dapat mengawal dan mengendalikan persatuan dengan cekap dan akhir sekali mengadakan facility dan kemudahan sukan di seluruh negara terutama di luar bandar.

Dengan strategi ini adalah diharapkan mutu sukan di negara ini dapat dipertingkatkan sesuai dengan hasrat dan aspirasi rakyat di negara ini.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyatakan bahawa Kementerian sedang merangka untuk mendirikan sebuah institut di Bukit Petaling. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa ramai daripada bakat-bakat sukan negara ini yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Adakah

Kementerian bercadang untuk mendirikan mini institut-mini institut di kawasan-kawasan luar bandar dan jika ya, bila.

Tuan Awang bin Jabar: Kementerian sedar bahawa ada terdapat ramai ahli-ahli sukan yang berpotensi dan berbakat di negara kita ini. Untuk memberi peluang yang sepuh-penuhnya kepada ahli-ahli sukan yang berpotensi di negara kita ini, di daerah-daerah ataupun di negeri-negeri, Kementerian dengan keupayaan yang ada telah pun melaksanakan program-program sukan menerusi tapian gelanggang dan mini stadium-mini stadium yang ada di seluruh daerah di dalam negara kita ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian tidak berpuas hati dengan apa yang ada, sebab itu saya katakan tadi bahawa kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar akan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

GETAH/KELAPA SAWIT— POTENSI DAN MASA DEPAN

3. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perusahaan Utama menyatakan apakah potensi dan masa depan getah berbanding dengan kelapa sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, getah dan kelapa sawit merupakan dua tambahan utama dalam sektor pertanian Malaysia. Kedua-dua barangan utama tersebut memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dari segi pendapatan eksport dan juga menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada sebahagian besar penduduk-penduduk di negara ini. Pada pendapat saya, potensi dan masa depan jangka panjang bagi kedua-dua barangan utama ini iaitu getah dan kelapa sawit, adalah baik.

Bagi getah, sungguhpun harga semasa bahan ini berada di paras yang agak kurang memuaskan, namun adalah dijangkakan dalam jangkamasa sederhana dan jangkamasa panjang harga getah akan pulih semula kepada paras yang lebih baik. Bagi jangkamasa panjang, berdasarkan kepada Laporan Pasukan Petugas Mengenai Getah Asli yang telah menyampaikan laporannya kepada Kerajaan, penggunaan getah asli dunia dijangka akan meningkat kepada 5 juta metrik tan pada tahun 1990 dan kepada 6 juta metrik tan pada tahun 2000 berbanding dengan 3.7 juta metrik tan bagi permintaan tahun 1982. Memandangkan dalam tempoh jangkamasa panjang prospek permintaan getah asli adalah baik, pada pendapat saya adalah wajar bagi Malaysia untuk meningkatkan lagi pengeluaran barangan ini bagi mendapat faedah sepenuhnya dari peningkatan permintaan tersebut. Dalam hal ini, sejajar dengan Dasar Pertanian Negara, langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk meningkatkan pengeluaran getah asli Malaysia menerusi peningkatan daya pengeluaran di dalam kawasan-kawasan yang sedia ada.

Berhubung dengan minyak kelapa sawit, Malaysia telah mencapai taraf sebagai pengeluar utama minyak kelapa sawit dunia dengan menyumbangkan kira-kira 57% daripada pengeluaran dan 80% daripada eksport minyak kelapa sawit dunia pada tahun 1983. Permintaan barangan ini pada masa hadapan dijangka cerah berasaskan kepada jangkaan peningkatan penduduk dunia dari 4.5 ribu juta sekarang ini kepada 5 ribu juta pada tahun 1987 dan 6 ribu juta orang pada tahun 1997. Selain daripada itu penggunaan per kapita minyak makan juga dijangka akan bertambah memandangkan bahawa masih ramai lagi penduduk di dunia ini yang masih belum lagi dapat dibekalkan secukupnya dengan minyak makan dan lemak mengikut

keperluan yang sepatutnya. Berasaskan kepada jangkaan-jangkaan yang disebutkan, adalah diramalkan menjelang tahun 1997 dunia akan memerlukan 89.7 juta metrik tan minyak dan lemak makanan, iaitu pertambahan sebanyak 27 juta metrik tan atau 43% lebih daripada penggunaan sekarang. Oleh yang demikian Malaysia telah pun merancang bagi meningkatkan pengeluaran minyak kelapa sawitnya melalui peningkatan daya pengeluaran dan pembukaan kawasan-kawasan baru berdasarkan jangkaan-jangkaan permintaan yang menarik itu.

Tuan Mutang Tagal: Dalam jawapannya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyebutkan bahawa permintaan getah asli masa depan dunia akan meningkat menjelang tahun 1990an. Soalan tambahan saya ialah dengan peningkatan daya pengeluaran getah asli adakah tenaga buruh di negara ini cukup supaya menjamin penambahan daya pengeluaran getah untuk menampung keperluan ataupun permintaan getah asli dunia dapat kita capai menjelang tahun 90an.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah buruh adalah masalah yang luar biasa di negara kita oleh kerana negara ini membangun. Bukan masalah kekurangan buruh tetapi oleh kerana pembangunan yang pesat terutama dari segi dunia pelajaran menyebabkan berkurangan rakyat kita untuk bekerja di ladang-ladang. Bagaimanapun dengan adanya kajian-kajian yang moden yang telah dijalankan oleh R.R.I. (Rubber Research Institute), dengan izin, bahawa pengeluaran getah ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya kerana pada hari ini terutama sekali MARDEC, getah keping sudah berkurangan dikeluarkan tetapi sebaliknya kita mengeluarkan getah secara buku yang mana tidak berkehendakkan buruh yang ramai. Terima kasih.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, adakah Kerajaan akan menggalakkan penubuhan kilang-kilang memproses kelapa sawit di tempat di mana terdapat ladang-ladang dan kebun-kebun kelapa sawit memandangkan masa depan kelapa sawit adalah cerah?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kepada Wakil Sungai Besi, ingin saya nyatakan bahawa Kementerian Perusahaan Utama hanya mengendalikan tentang pasaran kelapa sawit. Tentang kilang-mengilang adalah di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Terima kasih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa cara dan kaedah pemasaran getah sekarang tidak begitu memuaskan sehingga harganya yang dijual di pasaran dunia tidak begitu tinggi? Sekiranya sedar, apakah tindakan akan diambil untuk memperbaiki kaedah dan cara pemasaran ini? Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekiranya kita hendak mengadakan kilang-kilang tayar yang terbaik dan tertinggi di dunia, kita terpaksa mengadakan kilang synthetic mengeluarkan getah synthetic untuk perusahaan tayar?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa bahagian terakhir soalan itu adalah terkeluar sedikit daripada konteks. Walau bagaimanapun awalan soalan itu ada perkara-perkara yang berkait dengan bidang tugas Kementerian Yang Berhormat.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga pendapat saya (*ketawa*). Tentang soalan pertama, tentang harga ini, kalau kita lihat harga daripada tahun 1961 sampailah tahun 1983, perbezaan daripada harga ini tidak jauh. Kalau kita lihat tahun 1961, harga

getah RSS 1 ialah 184.17 sen, RSS 3 180.36 sen. Harga tahun 1982, \$2.01 dan \$1.80. Jadi, hendak dikatakan harga terlalu turun ini dibandingkan dalam masa 20 tahun, perbezaan tentang harga ini tidak banyak. Tetapi dari segi pendapatan negara daripada keseluruhannya atas keluasan yang hampir sama, kalau tahun 1961 kita mempunyai 1,816,600 hektar, pendapatan negara ialah \$1,566.9 juta atau \$1,566 juta, dengan keluaran 818,000 tan. Tahun 1982-1983 luasnya 1,995,000 hektar, pendapatan eksport ialah \$2,655 juta. Bermakna keseluruhannya daripada hasil getah adalah meningkat, bukan menurun. Jadi, saya tidak berapa setuju sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Sekian, terima kasih.

BAYARAN PAMPASAN KEPADA PEKERJA

4. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan adalah terlalu rendah berbanding dengan kecacatan yang mereka akan tanggung seumur hidup, sama ada Kerajaan akan mengkaji semula kadar pampasan ini dengan tujuan menaikkannya ke paras yang lebih munasabah.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan daripada Yang Berhormat itu sebenarnya adalah terlibat dengan dua jenis pembayaran pampasan utama, iaitu pembayaran pampasan di bawah Akta PERKESO, 1969 dan pembayaran di bawah Akta Pampasan Pekerja, 1952. Bagi pembayaran faedah di bawah Akta PERKESO, Kerajaan telah pun menaikkan kadar pampasannya setelah pindaan kepada Akta tersebut diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada awal tahun 1984 baru-baru ini. Pindaan tersebut telah

pun diwartakan dan akan mula dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1985 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 juga telah dinaikkan melalui pindaan kepada Akta tersebut mulai 1hb Januari, 1977 yang lalu.

Perubahan-perubahan utama mengenai kadar pampasan kerana kemalangan maut telah pun dinaikkan daripada \$7,200 kepada \$14,400 maksima. Manakala bagi kemalangan yang mengakibatkan kecederaan kekal juga dinaikkan daripada \$9,600 kepada \$19,200. Kerajaan akan sentiasa mengkaji keperluan pampasan itu dari masa ke semasa dan jika didapati ianya perlu dipinda maka undang-undang yang berkenaan akan dipinda dengan sewajarnya.

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH

5. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) setakat ini dengan memberi butir-butir; jumlah KPD yang ditubuhkan dan modal yang telah dikumpul dan diperniagakan; dan
- (b) apakah peranan Koperasi Nasional dalam usaha membantu KPD dan lain-lain koperasi.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan Koperasi Pembangunan Daerah telah berpeluang untuk melibatkan diri dalam bidang pembinaan projek-projek kecil di luar

bandar yang dikendalikan oleh Pejabat-pejabat Daerah seperti pembinaan surau, balai raya, jalan kampung dan lain-lain projek kecil. Ada di antara projek-projek ini diberi secara tender dan yang lain diberi secara sebut harga. Ini adalah bergantung kepada kebijaksanaan dan budibicara pegawai-pegawai daerah dan lain pegawai berkenaan.

Selain daripada penglibatan di dalam kerja-kerja pembinaan, ada juga KPD-KPD yang menjalankan kegiatan di dalam bidang memajukan perumahan dan lain-lain usaha tertakluk kepada kesanggupan masing-masing.

Pada peringkat permulaan ini, KPD-KPD digalakkan untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha yang kecil dan mudah dikendalikan. Galakan-galakan tertentu akan diberi apabila pengalaman dan pengetahuan tertentu telah diperolehi oleh KPD-KPD. Untuk sementara ini, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah meminta kerjasama pegawai-pegawai daerah supaya mengkhaskan daripada peruntukan projek luar bandar, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diberi kepada KPD-KPD.

Sehingga sekarang, sebanyak 13 buah KPD telah didaftarkan dengan modal saham yang dibeli oleh ahli-ahli sebanyak \$179,471. Sementara pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi melalui Tabung Pinjaman ialah berjumlah \$480,000. Pinjaman ini adalah untuk modal pusingan, membeli bahan binaan dan lain-lain.

Setakat ini sebanyak 160 buah projek kecil yang dilaksanakan bernilai sebanyak \$1,565,078.51. 45 buah projek lagi dalam proses pelaksanaan yang bernilai \$227,423.02.

(b) Peranan Koperasi
Pembangunan Negara Bhd.

dalam membantu KPD dan lain-lain koperasi yang menjadi ahlinya adalah seperti berikut:

- (1) Menjadi induk untuk menggabungkan semua koperasi dalam negara.
- (2) Menjaga kepentingan ahli-ahlinya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi membolehkan mereka menjalankan pekerjaan masing-masing dengan sempurna.
- (3) Menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan sama ada secara persendirian atau usahasama dengan ahli-ahli.
- (4) Bertindak sebagai payung dengan ahli-ahli dengan jalan memberi peluang dan kemudahan kepada mereka menjalankan kerja-kerja yang diperolehi dan diserahkan oleh Koperasi Pembangunan Negara kepada mereka.
- (5) Mengembelingkan semua tenaga koperasi di negara ini untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak dapat diusahakan oleh koperasi secara persendirian.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, cuma soalan kecil sahaja iaitu berkenaan dengan dasar ataupun apa yang hendak dilakukan supaya projek-projek Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dilaksanakan melalui Pejabat Daerah itu diberikan kepada KPD sebagai usaha menyokong. Tidakkah mungkin ini nanti menjadi satu conflict of interests, dengan izin. Kerana kalau tidak salah saya, tolong betulkan, Pengerusi KPD itu setengah-setengahnya kalau tidak semua ialah terdiri daripada Pegawai

Daerah yang berkenaan. Bagaimanakah perkara ini boleh kita selesaikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat ulangkan ucapan itu semula sebab ada unsur-unsur andaian di situ.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya berasa, Tuan Yang di-Pertua, bukan andaian tetapi hakikat ada Pegawai Daerah yang menjadi Pengerusi KPD. Dan kalau dia sebagai Pegawai Daerah yang bertanggungjawab memberikan projek ini akan menjadi "conflict of interest".

Timbalan Yang di-Pertua: Tidakkah timbul conflict of interest?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: dan masalah-masalah

Timbalan Yang di-Pertua: sebab Pegawai Daerah menjadi Pengerusi KPD.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada di antara KPD-KPD yang kita telah tubuhkan mempunyai Pegawai Daerah sebagai Pengerusi. Walaupun demikian, kita sedang dalam berunding dengan Jabatan Pembangunan Koperasi supaya mana-mana Pegawai Daerah yang menjadi Pengerusi KPD supaya bersara dan akan diganti oleh sama ada ahli-ahli ataupun orang-orang lain yang tidak akan mempunyai "conflict of interest" dengan kerja-kerja yang dilaksanakan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang soalan saya yang pertama. Mengapakah agaknya ada setengah-setengah KPD ini susah

sangat hendak dapat projek-projek pembangunan kecil luar bandar, kadangkala hingga bertikam lidah dengan Pegawai Daerah dengan Pegawai Pembangunan Daerah baharulah dapat satu di antara berpuluh-puluh projek.

Yang keduanya, bolehkah Koperasi Pembangunan Nasional membekalkan alat-alat, misalnya steam-roller; kepada KPD yang dapat tender buat jalan?

Yang ketiganya, kalau sekiranya KPN dapat sesuatu tender untuk menebang-menebas, membersihkan, memerun dan menanam satu Rancangan Tanah FELDA umpamanya, bolehkah KPN berikan kepada KPD yang berhampiran dengan kawasan projek itu hendak dijalankan? Kalau boleh adakah perkara ini pernah dibuat, kalau ada berapa dan di mana?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan ketiga itu hypothetical, terserahlah kepada Yang Berhormat menjawab.

Dato' Mohammad Yahya bin Lampong: Terima kasih. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, ada di antara KPD-KPD di merata-rata daerah di negara ini senang mendapat kerja-kerja kecil melalui Pejabat-pejabat Daerah, sementara yang lain pula susah untuk mendapat kerja-kerja. Sebenarnya yang pertama oleh sebab kerja yang dikendalikan oleh Pejabat-pejabat Daerah dilakukan melalui tender. Kadang-kadang ada kerja-kerja yang tidak dilakukan melalui tender ini tertangguh kepada budibicara Pegawai Daerah. Kadang-kadang ada di antara KPD-KPD ini mempunyai perhubungan yang baik dengan Pegawai-pegawai Daerah. Jadi, dalam keadaan yang demikian, tentulah senang untuk KPD mendapat kerja tetapi ada juga KPD yang tidak mempunyai perhubungan yang begitu baik dengan Pegawai Daerah, jadi ini kadang-kadang juga

yang menyebabkan kenapa KPD itu tidak dapat kerja-kerja daripada Pegawai-pegawai Daerah.

Yang kedua, sebenarnya itulah matlamat Koperasi Pembangunan Negara iaitu di satu masa nanti apabila kesanggupan ada akan memikirkan supaya dapat diberi khidmat-khidmat teknikal dan juga memberi pinjaman-pinjaman seperti jentera kepada ahli-ahli yang menjadi ahli Koperasi Pembangunan Nasional.

Yang ketiganya, memang begitulah dasar Koperasi Pembangunan Nasional itu apabila mendapat kontrak-kontrak akan diberi kepada ahli-ahli tetapi untuk sementara ini belum lagi KPN dapat apa-apa kontrak yang besar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tenggaroh.

KURSUS ORIENTASI KEPADA PENUNTUT

6. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu penilaian telah dibuat terhadap:

- (a) objektif kursus orientasi yang dijalankan untuk penuntut-penuntut yang balik bercuti dari Universiti-universiti Luar Negeri dengan perbelanjaan Kerajaan;
- (b) bentuk dan jenis ujian kepimpinan seperti ketaatan kepada Agama, Bangsa dan Negara yang dijalankan dan kesan-kesannya kepada pemikiran penuntut di atas komen-komen kesat yang dibuat oleh Penyelia-penyelia Kursus; dan
- (c) kesan keseluruhannya kepada penuntut-penuntut mengenai kursus-kursus orientasi itu, iaitu objektif-objektifnya benar-benar tercapai; jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, penilaian Kursus Orientasi yang dimaksudkan itu memang ada dibuat setiap kali selepas kursus diadakan, khususnya dari pandangan para peserta dan para penyelia kursus. Daripada tinjauan yang dibuat didapati para penuntut berpuas hati dengan penerangan yang diberikan kepada mereka mengenai dasar-dasar Kerajaan yang selama ini mereka kurang sedari. Para pelajar juga mulai sedar akan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar dibiayai oleh negara.

Kandungan dan juga cara kursus dijalankan akan terus diperbaiki dari semasa ke semasa mengikut kumpulan pelajar, tempat mereka belajar dan masalah yang mereka hadapi. Dengan cara ini akan dapat dipertingkatkan lagi prestasi kursus amnya yang meningkatkan lagi kualiti pelajar serta semangat cintakan negara dalam diri para pelajar.

Mengenai pembinaan daya kepimpinan serta ketahanan penuntut-penuntut, perkara ini dibuat dalam bentuk dinamika kumpulan. Dalam mengendalikan dinamika kumpulan ini mungkin terdapat komen-komen yang tertentu yang menyentuh perasaan pelajar-pelajar akan tetapi kadangkala ini perlu dilakukan untuk mengukir dan mempertingkatkan daya ketahanan dan semangat penuntut menghadapi cabaran semasa di luar negeri. Pada keseluruhannya kursus reorientasi ini telah memberi kesan positif kepada para penuntut dan ianya mencapai objektif yang dicatatkan. Daripada penilaian yang dibuat kursus ini sangat berfaedah dan memberi kesedaran yang mendalam kepada para pelajar mengenai tanggungjawab mereka kepada negara, agama dan khususnya pelajaran mereka dan mereka benar-benar faham dan menginsafi tujuan mereka dihantar ke luar negeri.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Kerajaan semasa menjalankan kursus reorientasi ini, saya tahu banyak perkara-perkara yang baik berlaku tetapi apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh jabatan yang berkenaan semasa menjalankan kursus ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, masalah fizikal ataupun masalah akademik yang dimaksudkan?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Apa juga masalah-masalah yang difikirkan oleh Menteri itu sendiri.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada masalahnya, kalau kita boleh anggap sebagai masalah, ialah kita tidak dapat memberikan kursus orientasi ini kepada semua pihak dalam masa bercuti oleh kerana sebahagian daripada pelajar-pelajar mungkin ingin berkunjung ke tempat lain.

Yang kedua, selepas mereka balik, daripada jumlah yang balik ada juga ibu bapa yang merasakan anaknya tidak perlu mengikuti kursus oleh kerana ibu bapa adalah pihak yang lebih wajar untuk menyampaikan kursus.

Selain daripada itu dari segi kesan-kesan lain, terdapatlah juga masalah-masalah daripada pelajar itu sendiri yang mungkin terdapat dalam ertikata disiplin. Pelajar-pelajar yang agak enggan mengikuti dengan secara serius ceramah-ceramah dan bahan penerangan yang diberikan, tetapi sebagai kursus orientasi yang pertama, ini semua diambil catatan dan kita harap bagi kursus-kursus yang ke hadapan, masalah-masalah seperti yang saya sebutkan tadi, mungkin juga

ada yang lain seperti Yang Berhormat dari Pekan ingin sampaikan kepada kita, akan kita cuba atasi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah semua penuntut yang kembali ke negara ini diwajibkan untuk menyertai kursus-kursus ini dan biasanya siapakah pensyarah-pensyarah untuk kursus ini? Adakah Kerajaan bermaksud hendak mempelawa pihak Pembangkang seperti DAP untuk memberi taklimat yang sebenar? (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir itu tidak perlu dijawab.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Sebenarnya kursus-kursus orientasi ini kita berikan kepada pelajar-pelajar Kerajaan. Setakat ini seperti yang saya sebutkan tadi, kita tidak wajibkan tetapi ada kemungkinan oleh kerana mereka ini pelajar-pelajar Kerajaan dan oleh kerana mereka juga perlu balik sekurang-kurangnya 2 tahun sekali mengikut syarat yang ditentukan oleh perjanjian, ada kemungkinan kita akan mewajibkan kursus seperti ini oleh kerana manfaatnya adalah banyak.

Oleh kerana kursus ini diberi kepada pelajar-pelajar anjuran Kerajaan, jadi dilaksanakan oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pelajaran, dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga yang mengambil bahagian juga adalah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri daripada Kerajaan yang menyampaikan ceramah-ceramah dan maklumat-maklumat secara terus untuk mereka mengetahui secara langsung, secara pragmatik apa dia dasar-dasar Kerajaan. Sudah tentulah kita tidak boleh menjemput Ahli-ahli dari DAP yang

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak jawab juga, ya!

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
 . . . bukan sahaja tidak tahu dasar Kerajaan tetapi tidak mahu menerima apa yang Kerajaan laksanakan dan ini akan mengelirukan lagi pelajar-pelajar kita. Sudahlah di luar negeri ada juga pemimpin-pemimpin DAP yang cuba mempengaruhi di sana tetapi tidak berjaya, di sini juga dia hendak cuba, lagi tidak berjaya! (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat Menteri jawab jugalah soalan Yang Berhormat itu.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:
 Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa tujuan dibuat reorientasi ini ialah untuk memberikan gambaran tentang kegiatan Kerajaan kepada pelajar-pelajar kita yang berada di luar negeri supaya mereka tidak salah faham. Apa yang kita tahu bahawa pelajar-pelajar kita yang di luar negeri adalah sebahagian besarnya daripada pelajar-pelajar yang tidak di bawah tajaan Kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua:
 Soalannya Yang Berhormat?

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:
 Soalannya, saya ingin tahu mengapa hanya pelajar-pelajar daripada tajaan Kerajaan sahaja yang diberikan reorientasi ini, apakah dengan hanya memberikan kursus kepada pelajar-pelajar tajaan Kerajaan yang kecil bilangannya ini boleh sampai tujuan Kerajaan bagi menggambarkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan negeri ini supaya pelajar-pelajar yang ada di sana tidak salah memberikan gambaran Kerajaan kepada masyarakat di luar negara ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
 Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal ini biarlah kita memberikan penjelasan dan penerangan mengenai dasar Kerajaan kepada pelajar-pelajar yang kita taja. Memang betul sejumlah besar pelajar-pelajar di luar negeri adalah tidak ditaja oleh Kerajaan.

Sekiranya kursus-kursus seperti ini hendak dikenakan kepada mereka juga, maka wujudlah implikasi yang lain. Yang pertama, kursus ini akan menjadi lebih besar dari segi kehadirannya. Yang kedua, kita mahu melihat implikasi sama ada kita boleh mengenakan kursus ini kepada pelajar-pelajar ini oleh kerana mereka pergi ke luar negeri atas biayanya sendiri.

Tetapi saya bersetuju bahawa pelajar-pelajar bukan tajaan Kerajaan juga perlu dibekalkan dengan penerangan yang benar mengenai apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Ini sebenarnya ada disampaikan melalui Pejabat-pejabat Penuntut kita di luar negeri.

Bahan-bahan penerangan, penjelasan dan juga ceramah-ceramah yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin kita sahaja memang dibuka untuk semua pelajar-pelajar dan bahan-bahan penerangan yang saya katakan tadi memang juga diedarkan kepada semua pelajar-pelajar, tidak kira sama ada mereka ini ditaja oleh Kerajaan ataupun tidak.

TEMBAKAU—KELEWATAN PEMBAYARAN

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar bahawa terdapat setengah-setengah syarikat pengawet tembakau tidak menjelaskan bayaran daun tembakau dan melambatkan bayaran kepada penanam-penanamnya, jika sedar apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapatnya pengawit-pengawet yang tidak dapat menjelaskan sepenuhnya bayaran daun tembakau dan melambatkan bayaran kepada penanam-penanam mereka. Bukanlah niat pengawet yang

tidak mahu menjelaskan atau melambatkan bayaran daun hijau kepada penanam-penanam mereka.

Hujan lebat yang berterusan di akhir tahun 1983 dan awal 1984 telah menyebabkan banyak tanaman tembakau yang rosak. Dalam usaha menyelamatkan daun-daun tembakau di ladang, daun-daun yang muda dan ditenggelami air telah dikutip oleh penanam tembakau. Keadaan ini telah menyebabkan pengawet berkenaan mengalami kerugian kerana daun yang dikeluarkan adalah bermutu rendah dan ini ditambah lagi dengan sikap pengilang membeli daun kering secara berhati-hati bagi mengelakkan cara terbeli daun yang bermutu rendah.

Keadaan ini telah menyebabkan pengawet menghadapi masalah aliran wang tunai (cash flow) yang ketat dan terdapat juga pengawet yang mengalami kerugian dan menyulitkan mereka yang berkenaan membayar harga daun hijau kepada penanam seperti biasa.

Hasil dari aduan yang diterima dari penanam-penanam yang terlibat, Lembaga Tembakau Negara telah menyediakan satu perkhidmatan bagi penanam-penanam tersebut. Melalui perkhidmatan ini, hutang-hutang ini telah dibayar kepada penanam-penanam tersebut dengan memotong potongan jualan daun kering syarikat-syarikat yang terlibat. Sehingga ini kira-kira 600 orang penanam telah dijelaskan hutang-hutang mereka bernilai \$400,000 melalui proses pemotongan ini.

Bagi setengah-setengah penanam, perkara hutang ini memang sengaja tidak dilaporkan kerana telah wujud persefahaman dan saling bantu membantu antara penanam dan pengawet.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya hendak betulkan ejaan iaitu Kampung Luat, Lenggong; bukan Kampung Laut.

PROJEK MINI HIDRO DI SUNGAI LUAT, LENGGONG

9. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah rancangan Projek Mini Hidro di Kampung Luat, Lenggong itu dilaksanakan. Dan setakat ini apakah langkah-langkah telah diambil bagi melaksanakan projek itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LLN pada mulanya ada rancangan untuk melaksanakan Projek Mini Hidro di Sungai Luat, yang akan dapat membekalkan elektrik ke Kampung Luat dan kampung-kampung di sekitarnya. Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan-peruntukan yang terhad, pelaksanaan projek ini telah tidak dapat diteruskan pada masa sekarang. Namun begitu, pihak LLN pada masa sekarang sedang mengkaji alternatif yang lain bagi membekalkan elektrik ke kawasan ini.

Untuk membolehkan bekalan elektrik diberikan ke Kampung Luat, pihak LLN sedang merancang untuk melaksanakan Projek Mikro Hidro sebagai menggantikan Projek Mini Hidro di Sungai Luat.

Projek micro Hydro ini akan berkeupayaan dalam lingkungan 20-25 kilowatt yang hanya mencukupi untuk membekalkan elektrik ke kawasan kampung Sungai Luat dengan kos yang lebih kecil iaitu dalam lingkungan \$240,000 sahaja. Projek ini sedang dalam pertimbangan dan akan dilaksanakan sebagai projek percubaan micro Hydro yang pertama dan projek ini akan dibiayai dengan sepenuhnya dari peruntukan LLN sendiri.

PENGANGKUTAN JALAN DI SARAWAK OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah masalah-masalah permulaan yang dihadapi semasa pengambilan alih pihak kuasa pengangkutan darat di Sarawak oleh pusat; dan apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahman binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah permulaan yang dihadapi semasa pengambilan alih kuasa perundangan mengenai pengangkutan jalan di Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan ialah kesesakan di kaunter-kaunter, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kuching. Sebab-sebab kesesakan ini berlaku ialah:

- (a) Pada peringkat permulaannya lesen-lesen kenderaan motor atau dikenali sebagai cukai jalan di negeri Sarawak adalah tamat tempoh sah lakunya pada penghujung atau pertengahan bulan mengikut undang-undang lama negeri Sarawak.
- (b) Pertukaran lesen memandu bentuk lama kepada bentuk lesen memandu Malaysia telah mengambil masa yang lebih lama untuk memproseskannya.

Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah yang tersebut di atas, diperkenalkan konsep tarikh terbuka bagi pembaharuan lesen kenderaan motor iaitu pembaharuan sesuatu lesen kenderaan motor boleh dibuat pada tiap-tiap hari dan bukannya pada penghujung atau pertengahan bulan sahaja.

Dengan cara ini, masalah tempoh kemuncak (peak period) pada penghujung dan pertengahan bulan telah dapat dielakkan.

Pada mulanya penggunaan lesen memandu yang lama telah diberhentikan dan digantikan dengan lesen memandu menggunakan Format DL baru.

BARANG PUSAKA DI MUZIUM NEGARA

11. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah barang pusaka yang disimpan dalam muzium negara dan jumlah barang-barang pusaka yang telah dijadikan sebagai barang pusaka nasional dan apakah langkah-langkah baru yang akan diambil untuk menyimpan dan memastikan pusaka-pusaka kebudayaan tidak akan dibinasakan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Muzium Negara semenjak dibuka dalam tahun 1963 hingga sekarang telah mengumpulkan sejumlah 107,733 harta kebudayaan di dalam bidang ethnology dan archeology. Berkaitan dengan barang-barang pusaka yang telah dijadikan sebagai barang-barang pusaka nasional, belum ada langkah-langkah ini dibuat. Ini disebabkan kebanyakan dari barang-barang tersebut sukar dikenalpasti tahap kepentingannya, sama ada hanya berkepentingan sebagai barang-barang pusaka di peringkat negeri sahaja atau

kebangsaan. Memang ada barang-barang pusaka ini yang boleh diiktiraf sebagai barang pusaka negara seperti Meja Perjanjian Pangkor dan Batu Bersurat Terengganu. Tetapi bagi barang-barang yang lain sukar dikenalpasti dan memerlukan kajian yang mendalam dari semua aspek untuk tujuan ini.

Bagi memastikan barang-barang ini tidak dibinasakan, memang ada beberapa langkah yang telah dan sedang serta baru dirangkakan. Pada kebiasaannya barang-barang ini dibahagikan kepada dua jenis seperti berikut:

- (1) barang-barang mudah alih;
- (2) barang-barang yang tidak mudah alih.

Bagi barang-barang mudah alih seperti alat-alat rumah tangga, pakaian dan perhiasan diri, alat-alat lain kegunaan harian dan sebagainya, ianya dilindungi oleh Akta Benda Purba 1976 di mana terdapat beberapa perkara di dalamnya bagi menyekat ianya dimusnahkan.

Untuk memastikan keselamatan bahan-bahan ini seterusnya, pihak Jabatan Muzium berusaha menambahkan koleksinya dari masa kesemasa, sama ada secara pembelian, galakan untuk menghadiahkan kepada Jabatan Muzium ataupun meminjamkannya. Di samping itu Jabatan Muzium juga sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya ke atas penubuhan muzium-muzium baru sama ada di peringkat negeri ataupun institusi-institusi lain bagi sama-sama mengawasi keutuhan barang-barang ini. Bagi barang-barang ataupun yang lebih tepat bahan-bahan sejarah yang tidak mudah alih seperti bangunan, kota, kubur dan sebagainya, ianya dilindungi oleh Akta Benda Purba 1976. Langkah-langkah telah diambil bagi memulih dan memelihara sejumlah 215 monument dan tapak tanah bersejarah di seluruh

Semenanjung. Selain dari itu, pihak Jabatan ini telah mewartakan sebanyak 110 monument dan tapak tanah bersejarah sebagai monument lama mengikut Akta di atas.

Untuk memastikan segala barang-barang dan bahan-bahan sejarah yang ada di bawah kawalan Jabatan Muzium, kerja-kerja pemeliharaan yang saintifik dan sistematik telah, sedang dan akan dilakukan.

KERETA MALAYSIA "PROTON SAGA"

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kereta Malaysia "Proton Saga" yang akan dimulakan pengeluarannya pada tahun hadapan dan tiap-tiap tahun berikutnya sehingga ke sepuluh tahun akan datang. Dan negara manakah yang telah membuat tempahan, serta sejauh manakah usaha telah dijalankan bagi memasarkan "Proton Saga" ini ke negara-negara ASEAN.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, jadual pengeluaran "Proton Saga" dari Julai, 1985 hingga Disember, 1995 adalah seperti berikut:

Julai-Disember 1985	5,500 unit
Januari-Disember 1986	40,250 ..
Januari-Disember 1987	67,600 ..
Januari-Disember 1988	84,400 ..
Januari-Disember 1989	95,200 ..
Januari-Disember 1990	100,200 ..
Januari-Disember 1991	105,100 ..
Januari-Disember 1992	110,000 ..
Januari-Disember 1993	115,000 ..
Januari-Disember 1994	120,000 ..
Januari-Disember 1995	120,000 ..

(diharap banyak kita boleh pakai lagi pada masa itu)

Belum ada mana-mana negara yang membuat tempahan untuk membeli kereta nasional itu sungguhpun beberapa negara telah nenaruh minat untuk membelinya. Memang kita bercadang untuk mengeksport kereta

nasional. Walau bagaimanapun, di peringkat awal, kita belum lagi bersedia. Kajian dan persiapan yang rapi dan lengkap mestilah dibuat sebelum kita mengeksport kereta nasional ke pasaran antarabangsa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah benar dengan keramaian pengguna motokar di negara kita sekarang, dengan adanya pemasangan motokar yang masih dilakukan di dalam negara kita ini, akan menjadikan motokar nasional ini tidak begitu viable. Ini mengikut pendapat daripada pengusaha Jepun. Jika benar apa yang diperkatakan ini, apakah cara-cara lain supaya motokar kita ini akan menjadi motokar yang viable dan mencapai kejayaan yang sepenuhnya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang telah pun diumumkan ataupun terbayang di dalam Anggaran Belanjawan dahulu dan lebih-lebih lagi tahun ini dan juga di Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, dasar Kerajaan memanglah beransur-ansur mengurangkan ataupun tidak menggalakkan sesuatu pengimportan kereta yang CBU (Completely Built-Up); dan juga, kedua, persaingan dengan pemasangan kereta yang ada di dalam negara ini kita tidak bolehlah menyekat mereka kerana dasar perniagaan negara kita adalah dasar perniagaan bebas (free enterprise system). Walau bagaimanapun, pihak PROTON mempunyai penuh keyakinan bahawa di masa-masa hadapan mereka akan dapat bersaing dengan lain-lain pengusaha di negara ini sebagai satu syarikat tajaan Kerajaan.

Wan Zainab bin M.A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah

Kerajaan bercadang melantik pengedar atau wakil penjual di seluruh negara kita ini dan apakah syarat-syarat yang akan ditentukan untuk menjadi pengedar atau wakil penjualnya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat mengakhiri jawapan pada pukul 3.34 petang supaya saya boleh kemukakan soalan terakhir?

Datuk Dr James P. Ongkili: Boleh. Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu syarikat yang akan mengusaha kereta nasional ini memanglah PROTON akan melantik pengedar-pengedar di seluruh negara kita ini. Syarat-syaratnya ataupun jalan-jalan untuk menjalankannya ini akan dikemaskinikan; dan sesiapa di negara kita ini ingin menjadi pengedar adalah bebas untuk mencuba menjadi pengedar di seluruh negara.

LAWATAN PERDANA MENTERI BRITISH—SEBAB PEMBATALAN

13. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sebab-sebab sebenar pembatalan lawatan Perdana Menteri British Puan Margaret Thatcher ke negara Malaysia baru-baru ini. Dan apakah kesannya kepada imej negara ini di atas pembatalan lawatan beliau itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 26hb Oktober, 1984. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Berbalik semula kepada soalan No. 8. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

KEKURANGAN ZAT MAKANAN DI SABAH

8. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (*di bawah S.O. 24 (2)*) 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membasmi kekurangan zat makanan di pedalaman Sabah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, keadaan kekurangan zat makanan adalah masalah yang kompleks dan berpunca daripada berbagai sebab-sebab. Faktor-faktor yang penting dipertimbangkan dalam mengatasi masalah ini ialah taraf sosio-ekonomi masyarakat termasuk kadar kemiskinan dan adanya bahan-bahan makanan, kurang pengetahuan mengenai makanan seimbang, kepercayaan dan pantang larang dan taraf kesihatan yang kurang memuaskan, termasuk bekalan air dan tandas.

Jelaslah bahawa untuk mengatasi masalah kekurangan zat makanan semua agensi dan Kementerian yang terlibat perlu berusaha-sama, seperti yang digalakkan dalam Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan. Kementerian Kesihatan sahaja tidak boleh membasmi masalah ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang mengiatkan aktiviti-aktiviti untuk meninggikan taraf kesihatan rakyat Sabah khususnya di kawasan pedalaman. Ia merupakan penyediaan perkhidmatan kesihatan asas seperti kesihatan ibu dan kanak-kanak, bekalan air dan tandas, pendidikan pemakanan dan lain-lain.

Di kawasan-kawasan di mana kemudahan kesihatan belum dibekalkan kakitangan daripada Pusat

Kesihatan yang berhampiran melawat kampung-kampung untuk memberi jagaan kesihatan. Juga, aktiviti pengawasan pemakanan telah dimulakan pada tahun 1982 untuk mengesan kanak-kanak dengan keadaan kekurangan zat makanan dan memberi rawatan awal.

Rancangan Makanan Tambahan melalui Klinik-klinik Kesihatan dan sekolah-sekolah juga disediakan untuk kanak-kanak kecil, kanak-kanak sekolah dan ibu-ibu mengandung yang didapati mengalami keadaan kekurangan zat makanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawap Mulut sudah cukup.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kerana pada hari ini dalam masa sejam Dewan telah diberi maklumat tentang perkara-perkara dalam perjalanan pemerintahan dikendalikan oleh cawangan Eksekutif secara menyeluruh.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URU- SAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kerjaraya telah diluluskan dan perbahasan mengenai peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dimulakan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji

Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kerjaraya telah diluluskan dan perbahasan mengenai peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dimulakan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (*Hari Kelimabelas*).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa*

(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.60 (Jadual)—

*Maksud P.60 (Anggaran
Pembangunan, 1985)—*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka semula untuk dibahas. Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.38 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya mohon mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi tahun 1985 di Dewan yang mulia ini iaitu Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$47,421,510 yang diperuntukkan bagi tahun 1985. Namun begitu, saya ingin mengesyorkan supaya Anggaran ini ditambah lagi khususnya Anggaran Belanjawan Pembangunan sebanyak \$157,410 di muka surat-muka surat, muka surat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak bawa cermin matakah Yang Berhormat?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Ada cermin mata (*Ketawa*). Muka surat 258 Butiran projek yang akhir sekali jumlah \$157,410.

Tuan Pengerusi, ini pada pendapat saya adalah paling sedikit, paling menyedihkan dan akibatnya banyak projek-projek pembangunan Kementerian ini terpaksa ditunda atau ditangguhkan sehingga kepada tahun 1986, yang mana telah dirancang oleh Kementerian ini lebih dahulu iaitu dari satu masa ke satu masa hingga peringkat tahun ini tidak dapat diselesaikan—mungkin tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya dimaklumkan di dalam lawatan ke Cheras pada 20-11-1984 ke Kementerian ini, mendengar taklimat, saya terasa sedih dan hiba kerana orang-orang cacat teruk, terutamanya kanak-kanak, orang-orang tua sebatang karah yang perlukan kasih sayang, tempat berteduh dan perlindungan. Kanak-kanak serta gadis-gadis yang perlukan pemulihan akhlak dan sebagainya adalah besar bilangannya dalam negara kita ini, tetapi disebabkan oleh peruntukan pembangunan yang sedikit, maka banyakkah dari mereka tidak dapat ditempatkan di dalam institusi-institusi yang dikhaskan bagi mereka oleh kerana institusi-institusi tersebut telah pun penuh diisi.

Saya faham, Tuan Pengerusi, bahawa kedudukan kewangan negara pada ketika ini adalah tidak begitu kukuh. Namun begitu, saya berpendapat bahawa Kerajaan tidaklah seharusnya mengabaikan tanggungjawab terhadap mereka di atas soal-soal kebajikan masyarakat, khususnya golongan yang lemah, yang malang serta yang menderita dan sebagainya, kerana mereka adalah juga warganegara Malaysia dan di bawah Perlembagaan kita ini, mereka itu adalah juga berhak menikmati segala kemudahan dan kebahagiaan yang dinikmati oleh warganegara-warganegara lain yang nasibnya adalah lebih baik dari mereka.

Tuan Pengerusi, memang benar jika dikaji dari segi analisa, maka adalah amat sukar untuk mengukur dengan wang ringgit tentang kemajuan-kemajuan yang diperolehi oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam projek-projek pembangunannya, terutamanya dibandingkan dengan Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kerjaraya, Kementerian

Pengangkutan dan sebagainya. Perlu ditegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa tugas utama Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah untuk membawa kebahagiaan atau kesejahteraan dengan mengurangkan penderitaan hidup kepada mereka yang menderita dan yang malang nasibnya, khususnya mereka yang terdiri dari golongan yang cacat dari berbagai anaka, seperti cacat penglihatan, cacat pendengaran, cacat anggota dan cacat akal. Mereka yang ditimpa kemalangan, bencana alam dan sebagaimana di dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1985, menyatakan:

“Bahawa mencegah berlakunya masalah sosial yang boleh menjejaskan kestabilan dan keharmonian masyarakat, memulih mangsa yang ditimpa gejala sosial dan bencana alam yang memberi perkhidmatan sokongan kepada lain-lain agensi bagi mencapai kesejahteraan hidup.”

Tuan Pengerusi, mereka yang runtuh akhlak, yang menjadi mangsa sosial dan sebagainya dalam negara ini, bilangan orang-orang seumpama itu bukannya sedikit, adalah ditaksirkan bahawa lebih kurang 1% daripada jumlah penduduk yang ada di Malaysia ini terdiri dari mereka yang demikian dan berasaskan kepada kiraan banci yang diadakan pada tahun 1980. Maka ini bererti bahawa di negara kita ini adalah seramai 140,000 orang-orang seumpama ini. Memandangkan kepada hakikat bahawa bilangan mereka adalah ramai, maka saya ingin menggesa supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada kebajikan orang-orang seumpama ini supaya sekurang-kurangnya penderitaan mereka dapat dikurangkan. Ini bererti peruntukan pembangunan yang lebih perlu diberi kepada Kementerian ini jika Kerajaan benar-benar committed, dengan izin, terhadap mereka yang malang ini.

Tuan Pengerusi, tidak berapa lama dahulu saya telah dengar seorang Hakim Yang Arif telah mengesyorkan supaya perkara keselamatan sosial (social security) dikaji semula oleh Kerajaan sambil mengesyorkan supaya tugas-tugas tersebut diberikan kepada satu agensi sahaja iaitu Kementerian Kebajikan Masyarakat, memandangkan bahawa amalan seumpama ini banyak terdapat di negara-negara lain dan oleh itu Kementerian Kebajikan Masyarakat perlulah diberi tanggungjawab yang sama untuk dikendalikan dalam negara kita di Malaysia ini. Banyak agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang mengendalikan perkara keselamatan sosial ini termasuklah SOCSO, PERKESO, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF), Bahagian Pencen di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga berbagai-bagai syarikat insurans. Sungguhpun pada ketika ini agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang berkenaan diletakkan di bawah berbagai Kementerian, maka saya berpendapat sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan untuk mengkaji supaya agensi-agensi seumpama itu diletakkan di bawah satu Kementerian sahaja, supaya pentadbiran dasar keselamatan sosial dapat diselaraskan dengan lebih berkesan dan lebih bermakna lagi kepada golongan-golongan sasaran yang memerlukannya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan negara kita ini menimbang agar satu Skim Insurans Sosial Kebangsaan (National Social Insurance Scheme) dengan izin, patut juga diadakan supaya dengan adanya skim tersebut maka semua rakyat tidak kira kaya atau miskin tidak menanggung penderitaan apabila ditimpa oleh sesuatu mala-petaka atau kemalangan kepada diri mereka.

Saya difahamkan juga bahawa Skim Insurans Sosial Kebangsaan yang

seumpama itu telah pun dapat dijalankan di beberapa buah negara barat dan saya percaya jika skim ini dapat dilaksanakan di negara ini, maka ini bererti bahawa Kerajaan akan mencipta sejarah dalam Dasar Keselamatan Sosial dengan erti kata yang sebenar-benarnya.

Saya faham bahawa ada beberapa masalah akan timbul dalam melaksanakan dasar ini pada peringkat permulaannya, tetapi saya percaya jika Kerajaan benar-benar memahaminya tentang kebajikannya dari segi jangka panjang, ianya akan membawa lebih manfaat kepada negara, khususnya kepada mereka yang terdiri daripada golongan-golongan miskin.

Saya turut menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

3.48 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Peruntukan yang dipohonkan Belanja Mengurus dan Pembangunan ialah sebanyak \$47,421,510, tetapi sebahagian besar daripada peruntukan ini ialah Belanja Mengurus sahaja, Pembangunannya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Batang Padang tadi ialah hanya \$157,410.

Saya juga amat dukacita kerana peruntukan ini terlalu kecil memandangkan peranan yang harus dimainkan oleh Kementerian ini adalah terlalu besar. Saya mengambil satu contoh umpamanya, saya suka menyentuh berkenaan dengan Maksud B.60 berserta dengan P.60 dalam perkara Perkhidmatan Orang-orang Cacat. Walaupun pada pandangan saya

memanglah ramai dari kalangan orang-orang yang tidak bernasib baik, yang cacat, yang telah dapat diberikan perkhidmatan oleh Kerajaan menerusi 14 buah pusat-pusat pemulihan yang ada di seluruh negara ini, akan tetapi sebenarnya bilangan orang-orang yang memerlukan perkhidmatan pusat-pusat pemulihan ini adalah terlalu ramai. Kegagalan mereka untuk masuk ke pusat-pusat pemulihan ini di antaranya oleh sebab bilangan peserta-peserta yang dikehendaki dan dibolehkan masuk ke pusat-pusat ini adalah terlalu terhad, maka dengan sebab itu mereka tidak dapat menikmati rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan di rumah-rumah ataupun di pusat-pusat pemulihan ini.

Waktu lawatan Ahli-ahli Yang Berhormat baru-baru ini ke Cheras di Batu 11¹/₄, saya dapati memanglah sungguh-sungguh banyak manfaat yang boleh diberikan kepada orang-orang cacat untuk membolehkan mereka dapat meneruskan hidup sepertimana masyarakat-masyarakat lain yang lebih bernasib baik daripada mereka. Oleh sebab itu, saya rasa patutlah Kerajaan mengadakan rancangan untuk menambahkan lagi beberapa buah pusat-pusat pemulihan di seluruh negara kita.

Sebelum Kerajaan mengambil langkah mendirikan pusat-pusat pemulihan di seluruh negara, saya rasa adalah wajar bagi pihak Kementerian ini membuat kajian dan penyelidikan secara menyeluruh untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang orang-orang cacat di seluruh negara kita, apakah bentuk dan jenis cacat yang ada kepada rakyat di negeri ini dan berapakah banyak bilangan orang-orang cacat yang ada dalam negara kita. Dengan mengetahui angka bilangan orang-orang yang cacat di seluruh negara ini akan membolehkan Kerajaan membuat perancangan sebanyak manakah pusat-pusat

pemulihan yang diperlukan oleh negara bagi memberikan perkhidmatan yang menyeluruh kepada orang-orang cacat di seluruh negara kita.

Yang kedua, dengan mendapat maklumat sebab-musababnya berlakunya kecacatan kepada rakyat atau manusia di negara ini, Kerajaan akan dapat pula mengatur langkah-langkah yang positif untuk menasihati rakyat membantu diri mereka sendiri bagi mencegah daripada berlakunya sesuatu kejadian sehingga membawakan diri mereka menjadi cacat dan sebagainya. Ini adalah satu langkah yang baik dan wajar dilakukan supaya kita akan dapat maklumat-maklumat sepertimana yang saya sebutkan tadi. Namun demikian, saya ada mendengar Yang Berhormat Menteri kita yang baru ini, salah satu daripada strategi yang akan dijalankan oleh Kementerian ini ialah untuk mendaftarkan manusia-manusia atau orang-orang yang cacat di seluruh negara kita, tetapi dengan peruntukan yang kecil ini saya ragu-ragu sama ada usaha-usaha yang baik ini akan dapat dijalankan dengan sempurnanya.

Selain daripada itu, saya rasa di pusat-pusat pemulihan ini juga perlulah dipelbagaikan jenis latihan-latihan kepada orang-orang cacat ini supaya mereka dapat dibekalkan dengan berbagai-bagai kemahiran semasa mereka berada di pusat-pusat pemulihan ini dan manakala mereka keluar, habis tempoh berlatih di pusat-pusat pemulihan ini, mereka akan dapat menggunakan segala kepandaian dan kemahiran mereka itu untuk mencari sumber rezki bagi menyambung hidupnya di dunia ini.

Selain daripada itu, saya juga berharap supaya pihak Kementerian akan memikirkan apakah kaedah-kaedah yang lebih munasabah untuk membantu orang-orang cacat yang sudah mempunyai kemahiran membuat barang-barang kraftangan

dan sebagainya supaya dapat dipasarkan dengan sempurna. Saya sungguh merasa sedih manakala terjumpa dengan orang-orang buta membawa barang-barang hasil buatan mereka, berjalan ke sana ke mari, meraba-raba untuk menjual hasil-hasil pembuatan atau kerja tangan mereka itu di tengah-tengah panas terik dan sebagainya. Tidakkah elok sekiranya pihak Kementerian ini dapat merancangkan supaya satu program dapat dibuat untuk membantu menolong memasarkan segala barang-barang hasil buatan orang-orang cacat ini. Walaupun keadaan yang ada ini, iaitu membiarkan mereka membuat barang-barang kraftangan yang sudah kita memberikan latihan supaya mereka pula dapat memasarkan sendiri untuk membolehkan mereka hidup berdikari, tetapi saya rasa tidaklah wajar konsep ini kita kenakan kepada orang-orang buta. Kalau orang-orang itu tidak buta, barangkali banyaklah ruang-ruang atau tempat-tempat yang mereka dapat memasarkan barang-barang mereka ini, tetapi bagi si buta tentulah menjadi satu kesukaran untuk mencari pelanggan-pelanggan kerana hendak membawa diri mereka sendiri pun begitu sukar sekali, bagaimana pula mereka hendak pergi mencari pasaran-pasaran untuk memasarkan barang-barang buatan mereka.

Jadi, dengan adanya langkah-langkah yang positif, satu rancangan untuk mengumpulkan barang-barang yang dihasilkan oleh orang-orang cacat ini dan pihak yang bertanggungjawab sama ada di peringkat Pusat, Negeri atau Daerah memasarkan barang-barang mereka ini, maka saya rasa ini adalah satu langkah yang baik supaya dapat mempertingkatkan lagi pendapatan orang-orang cacat yang ada di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja pandangan saya berkenaan dengan Kementerian ini. Dengan ini, saya

menyokong di atas peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.57 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong Maksud 60 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Peruntukan yang disediakan tahun depan berjumlah \$47,421,510.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya menyentuh Butiran 2.2 Perkhidmatan Orang Cacat, muka surat 275. Di sini ingin saya bercakap dengan secara ringkas. Dalam tahun-tahun kebelakangan bahawa orang cacat dari Negeri Sarawak telah dihantarkan ke Pusat Pemulihan Orang Cacat di Cheras, Kuala Lumpur, Selangor. Dalam minggu yang lepas ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk juga wanita-wanita UMNO dari Kuala Selangor telah bersama-sama kami melawat ke Pusat Pemulihan Orang Cacat di Cheras.

Tuan Pengerusi, memandangkan orang cacat di negeri kita ini pada masa sekarang dan di masa yang akan datang bahawa Kerajaan kita haruslah mengambil berat cara manakah menolong mereka, bukan sahaja di bidang latihan tetapi selepas mereka dilatih di pusat pemulihan, mereka juga perlu dibantu dengan wang tunai seperti elaun bulanan diberi kepada mereka untuk menambahkan hasil pendapatan mereka selepas mereka dilatih di Pusat Pemulihan Cheras selama 3, 4 atau 5 tahun.

Tuan Pengerusi, semasa lawatan itu kami juga telah diberi taklimat oleh Pengarah di Pusat Pemulihan Cheras dan apa yang menarik perhatian kami ialah berhubung dengan kekurangan guru latih di pusat pemulihan itu. Pusat Pemulihan Orang Cacat itu memerlukan guru-guru yang mahir

kerana kami dapati bahawa orang cacat itu tidak sama, ada orang cacat itu apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, bermacam-macam jenis cacatnya, termasuk juga cacat otak. Oleh hal yang demikian, maka Pusat Pemulihan Orang Cacat di Cheras ini sangat perlukan guru-guru latihan yang mahir.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya di negeri kita ini memang ada juga guru latihan yang mahir tetapi saya fikir apa yang menjadi masalah ialah oleh sebab Pusat Pemulihan Orang Cacat itu jauh sedikit dari bandar Kuala Lumpur dan mungkin orang yang mahir itu tidak mampu bertugas di kawasan luar bandar kerana sekiranya kawasan itu diambil kira kawasan luar bandar. Pada pendapat saya oleh kerana orang cacat itu sangat sedih dan mereka itu perlu dididik dengan sepenuhnya supaya selepas mereka dilatih mereka boleh balik ke kampung asal mereka, mereka menjadi rakyat yang sempurna.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masalahnya didapati kekurangan guru-guru latihan di pusat tersebut maka Kerajaan kita haruslah mengkaji semula tanggagaji guru-guru latihan di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat supaya tanggagaji dan elaun perjalanan mereka perlu dipertimbangkan supaya kekurangan guru-guru latihan di Pusat Pemulihan Orang Cacat itu tidak berlaku lagi kekurangan yang mahir.

Selain dari itu, Pusat Pemulihan itu juga perlukan bermacam ajaran seperti guru-guru teknikal, tukang kayu, kraftangan, memperbaiki alat-alat radio, jahitan termasuk juga muzik dan juga keagamaan. Maka oleh sebab itu Kerajaan kita haruslah mengambil berat dan menambahkan lebih banyak lagi guru-guru latihan, kalau tidak mencukupi guru tempatan Kerajaan kita boleh mengambil secara kontrak guru-guru luar negeri yang mahir di bidang melatih orang cacat di negara

kita ini kerana orang-orang cacat itu perlu dididik dengan sepenuhnya. Kita semua sedia maklum bahawa penduduk di negara kita ini misalnya di negeri Sarawak hampir 2 juta dan mungkin ada orang cacat itu didapati di luar bandar. Maka oleh sebab itu Kerajaan Pusat perlulah menyediakan peruntukan juga untuk menempatkan sebuah Pusat Pemulihan Orang Cacat di negeri Sarawak.

Pada masa ini negeri Sarawak cuma ada Rumah Orang Tua dan juga Blind Centre, dengan izin, dan satu Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis-gadis di negeri Sarawak. Jadi Pusat Pemulihan Orang Cacat belum ada lagi pada masa sekarang di negeri Sarawak. Oleh hal yang demikian saya di sini mencadangkan supaya Kerajaan Pusat akan dapat menyediakan peruntukan dalam tahun hadapan untuk menyediakan Pusat Pemulihan Orang Cacat di negeri Sarawak, kerana saya difahamkan bahawa masih ada ibu bapa-ibu bapa mereka tidak bersetuju melaporkan anak mereka kepada jabatan berkenaan kerana ibu bapa itu sangat kasih sayang kepada anak mereka yang cacat itu, maka jikalau dihantar ke Pusat Pemulihan Orang Cacat di Cheras maka ibu bapa itu sangat lama tidak bertemu dengan anak mereka dan mereka enggan menghantar anak mereka ke Pusat Pemulihan Orang Cacat di Cheras. Oleh hal yang demikian, Yang Berhormat Menteri berkenaan perlulah mengambil perhatian supaya Pusat Pemulihan Orang Cacat itu perlu ditempatkan satu di negeri Sarawak dan kemudian orang-orang cacat itu tidak perlu lagi dihantarkan ke Pusat Pemulihan Orang Cacat di Cheras dan di sini sekali lagi saya berharap bahawa penempatan satu Pusat Pemulihan Orang Cacat perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat.

Sebelum saya duduk, sekali lagi saya berharap dan menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat menjawab dan menggulung perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Silakan Yang Berhormat.

4.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas perbelanjaan Kementerian saya. Yang Berhormat dari Sungai Petani yang meminta Kementerian saya menaikkan bayaran mengkebumikan penghuni di Rumah Orang Tua daripada \$150 kepada \$200 atau \$250 seorang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya bantuan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat sebanyak \$150 bagi seseorang penghuni yang beragama Islam yang meninggal dunia ialah untuk membayar upah dan mengurus jenazah penghuni. Jumlah bantuan ini sungguhpun kecil tetapi ianya mengambil kira adanya semangat tolong menolong yang wujud di kalangan masyarakat kita. Walau bagaimanapun sekiranya bantuan sebanyak tersebut kini didapati tidak mencukupi, pihak Kementerian saya sedang menimbang dan mengkaji untuk menaikkan sedikit lagi sekiranya perlu.

Tuan Pengerusi, wakil dari Parit mendakwa bantuan tidak tetap tarikh pembayarannya, borang-borang permohonan bantuan yang digunakan menyusahkan pemohon, pemohon lewat mendapat bantuan dan meminta Kementerian supaya mengadakan rancangan pemulihan supaya pemohon tidak terus menerus bergantung kepada bantuan jabatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Kebajikan Masyarakat mengeluarkan bantuan bulanan di Pejabat-pejabat Kebajikan atau Pusat-pusat Pembayaran bagi mereka yang boleh berjalan dan sekiranya pengambilan bantuan tersebut dari pejabat-pejabat atau pusat-pusat tidak menyusahkan mereka. Bagi penerima-penerima yang tua, uzur serta sukar untuk berjalan jauh, bayaran akan dibuat ke rumah masing-masing oleh pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat kecuali di Sarawak sebab negerinya luas.

Ada kalanya disebabkan masalah pentadbiran, kelewatan berlaku sekali sekali pada tarikh yang ditetapkan, tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian ini untuk membayar bantuan melalui pos supaya masalah kelewatan dan kesusahan yang dialami sekali sekala itu dapat diatasi. Dengan pembayaran melalui Jabatan-jabatan Pos, penerima-penerima bolehlah mengambil wang di Pejabat-pejabat Pos yang berdekatan pada bila-bila masa didapati sesuai bagi mereka dalam bulan tersebut.

Berhubung dengan penggunaan borang-borang permohonan bantuan am sekolah, dimaklumkan bahawa pada masa ini cuma tiga buah negeri sahaja yang menggunakan borang tersebut dan penggunaan borang-borang itu sedang dikaji pada masa ini supaya satu cara yang lebih sesuai dapat digunakan.

Mengenai adanya kelewatan bagi pemohon-pemohon yang baru memohon bantuan dan pertimbangan bantuan tersebut, sukalah saya menyatakan bahawa tiap-tiap pemohon yang diterima terpaksa disiasat dengan teliti supaya bantuan yang diberi itu benar-benar diterima oleh mereka yang memerlukannya iaitu mereka yang benar-benar susah dan dhaif. Lawatan ke rumah-rumah perlu dibuat terlebih dahulu untuk menentukan keadaan sosio ekonomi

pemohon dan ini kadang kala memakan masa. Kementerian mempunyai asas dan kriteria yang tertentu dalam mempertimbangkan bantuan tersebut.

Mengenai usaha-usaha untuk membolehkan seorang penerima bantuan supaya tidak terus-menerus bergantung kepada bantuan, Kementerian saya mempunyai skim pelancaran yang boleh diberi hingga \$1,000 bagi sesuatu keluarga atau individu untuk menjalankan sesuatu projek atau perusahaan kecil supaya mereka dapat berdikari.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan juga berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar atas pandangan-pandangan mereka, atas cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu apa yang patut kita buat dan ini satu cadangan yang baik. Kementerian saya sekiranya ekonomi kita mengizinkan memanglah dari semasa ke semasa mempertimbangkan untuk memperbaiki lebih baik lagi perkhidmatan kita kepada beberapa program-program di bawah Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang ada memberi teguran sedikit atas skim insurans kebangsaan. Saya tidak boleh menjawab Tuan Pengerusi, oleh sebab ia di bawah jagaan Kementerian lain, oleh itu saya tidak ada jawapan di dalam perkara ini.

Yang Berhormat dari Batang Lupar ada juga memberi sedikit sebanyak pandangan beliau atas apa yang baik boleh kita buat untuk kebaikan mereka yang kurang bernasib baik. Ini termasuk guru-guru yang terlatih termasuk elaun-elaun untuk orang-orang cacat, itu memanglah dari semasa ke semasa Kementerian saya memang ada membuat kajian dan sekiranya peruntukan ataupun ekonomi negara kita mengizinkan, kita

memang menambahkan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti kita dalam perkara ini. Tuan Pengerusi, itu sahajalah jawapan saya atas ucapan-ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$47,264,100 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$47,264,100 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$157,410 yang disebutkan dalam Maksud P.60 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$157,410 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B.61 (Jadual)—

Maksud P.61 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.61 dan P.61 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.15 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 61, muka surat 286, Butiran 40, 41, 42, 43, 46 dan 47 mengenai dengan pembinaan jalanraya-jalanraya baru di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, selain daripada Butiran 46 dan 47, peruntukan bagi pembinaan jalanraya baru seperti Jalan Besar Utama, Lebuhraya Pan Borneo lain-lain jalanraya dan juga peruntukan bagi memperbaiki jalanraya serta penyiasatan dan penyelidikan jalanraya telah ditambah bagi tahun 1985. Bagi jalan-jalan pembangunan di semua bahagian iaitu Bahagian Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima, Keenam dan Ketujuh, peruntukan juga ditambah bagi tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kerja Raya oleh kerana murah hatinya sehingga peruntukan bagi hampir kesemua projek yang disenaraikan itu ditambah. Keadaan jalanraya di Sarawak masih dalam keadaan yang sangat-sangat tidak memuaskan. Jalanraya yang saya maksudkan ialah jalanraya di bandar dan juga di luar bandar. Saya berkata demikian apabila saya bandingkan mutu dan taraf jalanraya di Semenanjung dan di Sarawak. Adalah menjadi amalan semula jadi ataupun adalah menjadi "natural", dengan izin, jika kami ataupun jika kita dari negeri Sarawak membuat perbandingan di antara Semenanjung dan Sarawak dari semasa ke semasa. Oleh kerana sebagai rakyat Malaysia, kami juga ingin supaya apa juga kesejahteraan hidup yang dinikmati oleh rakyat di Semenanjung harus juga diberi kepada rakyat di Sarawak.

Kerajaan Persekutuan merupakan bapa besar kepada semua rakyat di Malaysia dan oleh itu ia harus memberi pertimbangan yang sewajar dan yang seadil-adilnya kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat di seluruh negara supaya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut akan menggambarkan keadilan dan timbang rasa.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Butiran 40 dan 41, saya berharap supaya pembahagian peruntukan ini dapat dibahagikan dengan seadil-adilnya kepada semua bahagian di Sarawak dan jangan lupa bahagian saya di Bahagian Kelima. Saya juga mengesyorkan kepada Kementerian supaya sebilangan besar dari pembahagian peruntukan ini diberikan kepada pembinaan jalanraya-jalanraya di luar bandar.

Setakat ini kekurangan infrastruktur di luar bandar seperti jalanraya yang menjadi satu masalah besar bagi rakyat di luar bandar sehingga hasil-hasil tanaman atau projek-projek mereka tidak dapat dijual dan tidak dapat dipasarkan. Akibatnya ialah kedudukan kemiskinan mereka itu sentiasa ada.

Adalah harapan kita bahawa dengan pembinaan banyak lagi jalanraya di luar bandar, kegiatan ekonomi di kalangan rakyat di luar bandar akan berkembang serta memberi peluang-peluang pekerjaan serta penambahan pendapatan kepada mereka dalam jangka masa panjang. Ini akan memperbaiki taraf dan mutu kehidupan rakyat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya menyeru Kementerian supaya lebuhraya Pan-Borneo yang masih dalam pembinaan, khususnya di antara bandar Trusan-Lawas dalam kawasan saya dengan negara jiran, Temburung, Brunei dapat dipercepatkan supaya pada penghujung tahun 1985 lebuhraya itu dapat digunakan oleh rakyat kita di Sarawak dan Sabah dan juga rakyat negara jiran Brunei Darussalam.

Tuan Pengerusi, kawasan saya iaitu Bahagian Kelima, Sarawak adalah bersempadan dengan negara jiran, Brunei Darussalam dan Kalimantan, Borneo iaitu sebahagian dari Indonesia. Ia juga bersempadan dengan negeri Sabah.

Oleh kerana ramai rakyat di Sabah dan Brunei Darussalam melawat bandar Lawas dan Limbang tiap-tiap hari untuk maksud peribadi dan komersil, saya meminta kepada Kementerian supaya memberi perhatian khas kepada taraf jalan raya di kedua-dua bandar tersebut supaya gambaran yang baik dapat diberikan kepada rakyat negara jiran khususnya iaitu Brunei Darussalam.

Dengan siapnya lebuhraya Pan-Borneo nanti, Lawas dan Lembang akan menjadi bandar tengah Sarawak di antara Sabah dan Brunei Darussalam dan memang kedudukannya yang strategik ini akan mempercepatkan proses pembangunan kedua-dua bandar ini. Saya berpendapat bandar ini akan menjadi lebih ramai dengan penduduknya dan pelawat-pelawat yang datang. Dalam pada itu, saya merayu kepada Kementerian supaya taraf jalan raya di kedua-dua bandar diperbaiki untuk kegunaan rakyat dengan mengetarkan jalan tersebut.

Berhubung dengan permintaan saya ini, Tuan Pengerusi, saya bercadang supaya proses mengetarkan jalan raya itu dibuat berperingkat-peringkat memandangkan masalah kewangan Kerajaan sekarang yang kurang baik. Saya bercadang supaya bagi tiap-tiap tahun misal kata dua, tiga atau empat batu jalan raya tertentu ditarkan supaya dalam masa jangka panjang kita akan dapati satu jalan raya yang kemas, baik dan bermutu.

Mengenai Butiran 42—Penyiasatan dan Penyelidikan Jalan Raya dan 46—Program Penyelenggaraan Jalan Raya Sarawak dan (47)—Latihan Kakitangan JKR, Sarawak di mana Butiran (46), (47) merupakan butiran baru dan “token sum” telah diberikan \$10, \$10.

Saya bercadang supaya dalam penyiasatan dan penyelidikan jalan raya di Sarawak, tumpuan ataupun kajian penyelidikan yang dibuat harus

dibuat secara “integrated” supaya mengambil kira bandar-bandar yang sedia ada, kampung-kampung yang sedia ada dan juga pusat-pusat baru yang akan dilaksanakan oleh negeri Sarawak supaya penyelidikan jalan raya dapat diselenggarakan dengan baik, memandangkan Sarawak merupakan satu negeri di dalam Malaysia yang besar sekali dan penduduk-penduduknya yang berselerak di seluruh Sarawak. Dan oleh kerana itu penyiasatan, penyelidikan dan penyelenggaraan jalan raya yang sedia ada yang akan dibina itu perlu dibuat dengan sebaik-baiknya supaya mutu jalan raya di Sarawak dalam masa akan datang apabila satu sistem infrastruktur jalan raya dibuat nanti akan berjalan dengan teratur dan licin.

Jadi butiran baru yang diadakan, butiran (46) dan (47), saya berharaplah supaya menimbangkan semula tentang pentingnya latihan kakitangan JKR Sarawak supaya mereka didedahkan kepada teknik-teknik baru sebagaimana cara membina jalan raya dalam satu topografi dan “landscape” yang begitu susah oleh kerana kita mempunyai banyak sungai di negeri Sarawak dan juga gunung-ganang yang tinggi dan besar. Oleh kerana itu, saya minta supaya latihan kakitangan JKR Sarawak supaya program akan dipertimbangkan semula supaya peruntukan yang sewajarnya dapat diberikan.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh Maksud Bekalan B.61.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Mutang Tagal: Tidak panjang. Butiran (ii) Program jambatan. Berhubung dengan ini saya ingin menarik perhatian Kementerian kepada Bangunan Kastam yang didirikan di tebing Sungai Limbang, berdekatan dengan bandar Limbang. Oleh sebab bangunan tersebut

didirikan di tebing sungai, hakisan tebing sungai yang berterusan telah mendedahkan bangunan itu kepada satu situasi yang merbahaya. Dan jika keadaan ini dibiarkan berterusan, saya kluatir pada satu masa nanti ianya akan runtuh.

Sebetulnya jambatan yang didirikan bersampingan dengan bangunan ini adalah dalam keadaan yang buruk dan bahaya.

Tuan Pengerusi, bangunan serta jambatan ini digunakan oleh rakyat di Limbang dan Lawas dan juga pelawat dari negara jiran, Brunei Darussalam tiap-tiap hari, sebetulnya setiap rakyat ke Brunei Darussalam dari bandar Limbang ikut bot laju mengambil masa di antara 10-15 minit sahaja. Untuk memberikan kemudahan serta perkhidmatan yang baik kepada rakyat di Limbang dan untuk memperbaiki imej Kerajaan di Limbang saya merayu kepada Kerajaan supaya membina bangunan baru serta jambatan yang baru yang cukup besar supaya dapat menampung keperluan rakyat yang makin meningkat.

Berhubung dengan masalah ini saya bercadang supaya Kementerian membina dinding pelindung, dengan izin, "retaining wall" di tebing Sungai Limbang, khususnya tebing sungai dekat bandar itu.

Beralih kepada daerah Lawas, saya ingin menarik perhatian Kementerian kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat di Kampong Punang. Kampung ini adalah terletak di pantai Laut China Selatan, kira-kira penduduknya 2,000 orang. Dalam tahun-tahun yang lepas oleh kerana hakisan akibat air laut yang hebat, kampung ini adalah sekarang dekat tebing sungai ataupun dekat pantai laut dan oleh kerana itu saya minta supaya Kementerian dapat mencari jalan bagaimana dapat mengatasi hakisan akibat air laut ini dengan mendirikan, dengan izin, "tripod" yang berat supaya dapat

melindungi kampung tersebut dari hakisan akibat air laut sebagai "retaining wall" dan saya haraplah supaya Kementerian akan memberi perhatian kepada masalah ini dengan sebaik-baiknya.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

3.40 ptg.

Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi saya ingin meminta perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya terhadap kawasan saya, Batu Gajah.

Tuan Pengerusi, Kampung Timah dan Tronoh Mines selama ini adalah dihubungi oleh sebatang jalan lecah. Panjangnya ialah 4 kilometer. Pada masa dahulu, jalan ini tidak mempunyai pengguna yang ramai, tetapi kini kerana kesesakan lalulintas di merata tempat, maka penggunanya pun makin hari makin bertambah. Ia telah merupakan sebatang jalan penting kepada penduduk-penduduk berhampiran seperti Pusing, Bodar dan Teluk Intan dan ini secara terus melibatkan 110 kampung dengan bilangan penduduknya 155,000 orang.

Tuan Pengerusi, pada masa jalan raya Kampar, Ipoh menimbulkan masalah maka jalan tanah yang lecah ini yang merupakan jalan yang tunggal untuk menyambung lalulintas Selatan dan Utara. Maka dari sinilah sekali lagi dapat kita saksikan kepentingan jalan ini. Oleh kerana selama 20 tahun kawasan Batu Gajah ada di dalam tangan Parti Pembangkang maka segala pembangunan untuk kawasan ini telah berhenti untuk 20 tahun. Sebab yang demikian pada tahun 1983, buat kali ulangan, saya telah membawa suara dan hasrat rakyat berkenaan ke dalam Dewan ini untuk meminta jasa

baik Yang Berhormat Menteri. Maka Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi peruntukan sebanyak \$10 sahaja sebagai token dan harap dalam perbelanjaan akan datang kami akan mendapat peruntukan untuk membina jalan tersebut.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Julau.

4.34 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Kerjaraya, Maksud 61, Butiran-butiran 40, 41 dan 43, muka surat 286.

Tuan Pengerusi, saya sering bercakap di dalam Dewan yang mulia ini dan kerap kali memohon agar Kementerian Kerjaraya memperuntukkan lebih banyak wang kepada Negeri Sarawak bagi membina jalan raya ke pekan-pekan, kampung-kampung dan juga rumah-rumah panjang di seluruh negeri itu. Tetapi nampaknya belum mendapat perhatian yang begitu baik daripada Kementerian berkenaan, kerana Anggaran Belanjawan yang telah diperuntukkan tahun ini tidak memuaskan walaupun tambahan ada untuk tahun hadapan.

Peruntukan cuma diberi sebanyak \$110,450.020. Peruntukan sebanyak itu cuma dapat membina 27.6 batu sahaja kalau mengikut apa yang dikatakan oleh Jabatan Kerjaraya iaitu satu batu jalan raya yang akan dibina menelan belanja \$400,000 bagi Negeri Sarawak. Peruntukan ini jika dibahagikan kepada tujuh bahagian, seperti satu bahagian cuma mendapat 3.9 batu sahaja. Apakah yang boleh kita buat dengan jalan yang sepanjang 3.9 batu itu.

Seperti di dalam kawasan Pilihanraya saya iaitu P.147 Julau, keluasannya 1,018.8 batu persegi. Dan banyak lagi kawasan-kawasan yang lebih besar seperti Ulu Rejang, Baram, Batang Lupar, Kanowit, Luar Rejang dan sebagainya, kebanyakan daripada tempat-tempat itu sangat sukar dilawati kerana tidak ada jalan raya yang menghubungkan tempat-tempat tersebut selain daripada menggunakan perahu sahaja. Dan belanja bagi menaiki perahu itu sendiri amat tinggi.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada peruntukan yang ada sekarang di dalam Anggaran Belanjawan Kementerian Kerjaraya, bilakah rakyat di luar bandar dalam Negeri Sarawak dapat menikmati jalan raya-jalan raya yang memuaskan. Saya sekali lagi berharap agar tambahan peruntukan yang lebih diberi pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, di dalam Butiran 41, muka surat yang sama dengan peruntukan sebanyak \$7,500,000 untuk memperbaiki jalan besar yang lain. Saya kira memerlukan peruntukan yang lebih besar dan hendaklah digunakan sepenuhnya seperti merata dan mengetarkan jalan-jalan di mana yang patut. Dan saya harap Menteri Kerjaraya akan memenuhi janjinya semasa beliau menjawab soalan saya berkenaan dengan kedudukan Lebuhraya Simanggang, Sibu dan Bintulu bulan April, 1984 lalu di mana beliau berjanji akan beransur-ansur mengetarkan Lebuhraya tersebut mulai tahun 1985 yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Butiran 43, muka surat yang sama mengenai jalan raya-jalan raya. Peruntukan ini telah dibahagi-bahagikan kepada tujuh bahagian dalam Negeri Sarawak. Jalan raya-jalan raya ini sangat penting untuk menghubungkan jalan raya-jalan raya ke kawasan luar bandar, kampung-kampung dan rumah panjang-rumah panjang.

Di sini saya minta Kementerian ini memberi arahan kepada Jabatan Kerjaraya Negeri supaya peruntukan itu akan dibahagikan ke kawasan-kawasan luar bandar yang amat memerlukan jalan raya-jalan raya. Misalnya di bahagian keenam dengan peruntukan sebanyak \$1,860,000. Dari peruntukan itu, saya memohon agar sebahagian diperuntukkan untuk membina jalan Ulu Lasi ke Sekolah Nanga Lasi, Jalan Ulu Pedanum, Jalan Nunggang ke Pakan Buku dan jalan ke Rumah Judi dan Rumah Banyan Stras.

Tuan Pengerusi, di masa yang lampau peruntukan bagi membina jalan raya-jalan raya di luar bandar memang ada tetapi pembinaannya cuma ditumpukan di sekitar dan jalan-jalan yang dekat dengan bandar sahaja. Jadi, jalan raya-jalan raya ke kampung-kampung tidak pernah dibina atau diabaikan begitu sahaja. Saya minta Kementerian berkenaan mengarahkan Jabatan Kerjaraya Negeri jangan menggunakan peruntukan ini untuk membina jalan raya-jalan raya yang dekat dengan bandar.

Di sini saya sekali lagi ingin menegaskan agar peruntukan jalan raya-jalan raya ini hendaklah digunakan sepenuhnya bagi jalan raya ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah panjang di luar bandar.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong Belanjawan Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bagan Datuk. Yang Berhormat sudah bangun sebelum Ahli Yang Berhormat dari Julau habis bercakap lagi.

4.40 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
Terima kasih, Tuan Pengerusi, hendak

sangat itu. Saya bangun, Tuan Pengerusi, bagi menyokong peruntukan Kementerian Kerjaraya yang berjumlah lebih daripada \$1,000 juta. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerjaraya dan seluruh kakitangannya di seluruh negara oleh kerana objektif dan tujuan merancang serta melaksanakan dasar pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam khususnya jalan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ingin saya bertanya adakah Yang Berhormat sebegitu minat bangun semata-mata hendak mengucapkan tahniah?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
Terima kasih, Tuan Pengerusi, itu mukaddimah kerana buka tirai dahulu. Oleh kerana pelaksanaan yang dijalankan oleh Kementerian ini adalah memberi prestasi yang baik. Namun begitu, saya suka menyentuh kepada B.61, Butiran 1 dan 2 dan juga 3 mengenai keadaan-keadaan jalan yang dilaksanakan oleh Kementerian. Walaupun saya katakan tadi di seluruh negara jalan sudah diperbaiki, dilebar dan sebagainya tetapi khususnya bagi kawasan saya di Bagan Datuk iaitu antara bandar Teluk Intan ke pekan kecil Bagan Datuk lebih kurang 25 kilometer adalah sangat-sangat menyedihkan. Boleh dikatakan semenjak jalan ini dibina belum pernah sekali pun pihak Jabatan Kerjaraya secara keseluruhannya, secara menampung sedikit-sedikit itu ada, saya tidak nafikan tetapi apa yang saya cadangkan di sini ialah oleh kerana rungutan rakyat terutama sekali rungutan daripada pembawa-pembawa kereta sewa ataupun teksi, setiap kali mereka membawa penumpang daripada Bagan Datuk ke Teluk Intan ataupun daripada Teluk Intan ke Bagan Datuk mereka akan berkempen mengatakan inilah kerja Wakil Rakyat, tidak membela rakyat, jalan

pun sangat teruk. Dan atas keburukan jalan ini boleh dikatakan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah saya selalu membangkitkan kepada Jurutera Daerah supaya dimaklumkan kepada Jurutera Negeri dan saya mendapat maklumat daripada pihak polis dalam sebulan boleh dikatakan beberapa kemalangan yang banyak telah berlaku dan dalam sebulan tiga kematian berlaku oleh sebab keburukan jalan yang sangat teruk ini. Saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu agresif saya rasa dapat memberikan perhatian kepada jalan Teluk Intan ke Bagan Datuk

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu sifat peribadi.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Atas Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Agresif menjalankan tugas.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya, agresif melaksanakan tugas.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin menyentuh tentang penyelarasan oleh sebab pembangunan dilaksanakan dengan begitu pesat, penyelarasan di antara jabatan-jabatan di bawah Jabatan Kerjaraya ini iaitu Jabatan Kerja Air (JKA) dan juga Telekom serta JKR hendaklah diselaraskan dengan sebaik-baiknya. Apa yang saya dapati mungkin bukan dalam kawasan saya sahaja tetapi di seluruh negara JKR membina jalanraya dengan begitu baik, membaiki dan sebagainya tetapi JKA (Jabatan Kerja Air) pula mengorek jalan itu. Sesudah dikorek tidak pula dibetulkan sebagaimana sedia kala. Ini menyebabkan berlubang. Begitu juga Telekom kerjanya juga mengorek untuk menanam kabel dan sebagainya. Jadi, kerja yang semacam ini JKR membetulkan jalan, JKA mengorek jalan, bilakah masanya keadaan ini

hendak selesai? Jadi, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya berharap supaya di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kalau perlu dalam setahun itu 2 tahun kali Jurutera-jurutera Negeri, JKR, JKA juga dan Jabatan Telekom hendaknya duduk dalam Majlis Tindakan Daerah supaya dapat mendengar laporan wakil-wakil sama ada daripada Parlimen atau Dewan Undangan Negeri ataupun pegawai-pegawai berkenaan untuk mengatasi masalah ini.

Satu perkara yang nampak sekali ialah berkenaan dengan kalau paip air itu bocor apabila tidak diambil tindakan dengan segera walaupun perkara itu telah diadukan kepada Jabatan Air dibiarkan. Apabila air ini daripada bawah naik ke atas jalanraya dan dilalui oleh kenderaan lori dan sebagainya maka jalan itu dengan cepatnya pecah dan air itu boleh dikatakan tempat yang bocor itu sampai sebulan tidak juga Jabatan Kerja Air ini dengan segera membetulkan paip air yang pecah itu, kalau tidak percaya sekarang pergi ke Jalan Cheras sekarang ini masih saya tengok tidak berbetul lagi paip air yang pecah itu dan menyebabkan jalanraya itu rosak.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu perkara yang penting saya patut sebutkan ialah dari segi pembinaan yang kedua tadi jalan dan jambatan. Jambatan maut yang ada di Teluk Intan itu perlulah; ini Jabatan dalam negeri saya—bandar saya, jambatan besi yang dibina mungkin barangkali dalam musim Jepun sehingga sekarang ini tidak lagi dibina satu jambatan walaupun Kementerian Kerjaraya telah meluluskan satu jambatan baharu akan diadakan tetapi sehingga sekarang saya tidak tahu kedudukannya sama ada sudah keluar tender atau sebagainya. Saya rasa jambatan ini perlulah segera dilaksanakan oleh sebab jambatan maut ini sentiasa mengancam penduduk-penduduk daerah Hilir

Perak yang hendak pergi ke Ipoh, hendak pergi ke Kampung Gajah dan sebagainya melalui jambatan maut ini dan kerap kali berlaku kemalangan di atas jambatan tersebut.

Tuan Pengerusi: Nama rasmi itu Yang Berhormat, jambatan maut ini?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Kalau mengikut kemasyuran bandar Teluk Intan itu, Tuan Pengerusi, sudah rata-rata orang mengatakan jambatan itu jambatan maut.

Tuan Pengerusi: Mungkin sebab bukan nama rasmi yang Berhormat.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Nama itu tidaklah rasmi, Tuan Pengerusi, tetapi oleh sebab selalu berlaku, terutama musim hujan keretapi lalu di situ, kereta lalu di situ, orang berjalan kaki pun lalu di situ dan orang naik basikal pun lalu di situ maka apabila berlaku kemalangan di tengah-tengah jambatan itu terus masuk ke dalam sungai Perak itu. Ini banyak berlaku bukan sedikit maka terkenal dia jambatan maut. Dan pada masa musim Jepun di situlah penyembelihan dilakukan terhadap orang-orang. Jadi, ada kaitan dengan sejarah jambatan itu. Maka dengan sebab itu saya rasa eloklah Kementerian ini segera membina jambatan yang baharu yang sudah pun diperuntukkan kawasan tanah dan sebagainya, pengambilan telah dilaksanakan cuma melaksanakan jambatan itu sahaja belum ditunaikan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Jabatan Air di muka surat 288 iaitu P.61 Butiran 84 iaitu Rancangan Bekalan Air Negeri Perak bahagian (i) Bekalan Air Perak Selatan dan Hilir Perak. Sekarang ini Jabatan Air saya ucapkan tahniah kerana telah membuat satu saluran yang besar daripada Cameron Highlands ke Bagan Datuk tetapi masalah sekarang

ini ialah paip yang besar itu belum lagi boleh digunakan mungkin tahun 1986 atau tahun 1987.

Masalahnya ialah penduduk Teluk Intan, penduduk Bagan Datuk terutama sekali di Rungkup sangat kekurangan air dan boleh dikatakan di Rungkup sekarang ini langsung tidak ada air sebab itulah mereka selalu mengatakan batangnya sahaja ada tetapi air tidak ada di rumah-rumah. Memang batang paip ini telah dimasukkan ke rumah-rumah tetapi airnya tidak ada. Sebab itu Jabatan Kerja Air telah menyediakan lori-lori untuk mengangkut airnya daripada mana-mana tempat yang boleh didapati air dihantar bekalan secara tangki. Penduduk ada berpuluh-puluh ribu orang, lori yang menghantar hanya dua buah, manalah mencukupi bekalan air di kawasan itu.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan sementara hendak menunggu paip besar yang sudah pun siap pemasangannya tetapi belum dapat digunakan airnya. Untuk menunggu setahun, dua tahun yang akan datang kesusuhan penduduk di kawasan Rungkup ataupun penduduk Bagan Datuk serta Teluk Intan dan di daerah Hilir Perak harap diambil satu kajian yang secara teliti apakah satu cara yang boleh diatasi untuk sementara menunggu pelaksanaan ataupun sementara hendak menunggu paip air yang besar ini dapat dibekalkan airnya kerana kesusuhan, rungutan orang-orang kampung ataupun rakyat di luar bandar itu sangat-sangat perlu kita ambil perhatian oleh sebab tiap-tiap 4 tahun atau 5 tahun kita berkehendakkan undi daripada mereka. Sekiranya Jabatan Kerja Air yang mengatakan tadi kita hendak meninggikan mutu infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam yang sudah sedia ada dan diperbaiki lagi itu tidak kita berhati-hati untuk mengatasi, melaksana dan

sebagainya kemungkinan rakyat akan mengecam, mereka tidak tahu apa melainkan mereka mengecam Wakil Rakyat, Kerajaan dan sebagainya.

Masalah-masalah yang kita hadapi mungkin mereka tidak mempedulikan, tetapi apa yang penting ialah cara kita melaksanakan bantuan-bantuan yang dapat kita berikan kepada mereka itu kerana air ini adalah lebih mustahak daripada api. Mereka mengatakan biarlah kalau

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat gulung sekarang?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya, boleh, Tuan Pengerusi. Mereka mengatakan kalau api ataupun LLN itu lambat sedikit laksanakan, tidak apalah, tetapi air ini sangat penting kerana air dari segi kehidupan sehari-hari digunakan oleh seluruh rakyat di dalam negeri ini untuk membasuh, makan dan sebagainya. Maka saya rasa selain daripada kawasan saya, saya perlulah meminta kepada Kementerian Kerjaraya supaya masalah air ini dapat diberikan perhatian yang utama, terutama sekali kepada kawasan-kawasan yang belum lagi mendapat bekalan paip air.

Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mematuhi arahan Tuan Pengerusi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya peruntukan kepada Kementerian Kerjaraya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

4.51 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud B.61 muka surat 283 dan Maksud P.61 muka surat 284.

Saya mencadangkan supaya mutu perkhidmatan dan kadar pembangunan jalan-jalan raya di pertingkatkan. Di sini sukalah saya

membangkitkan satu hal yang penting bagi sebahagian yang besar Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan juga penduduk-penduduk di Semenanjung, iaitu mengenai keputusan Kerajaan untuk mengutip tol dalam lingkungan Bandaraya.

Tuan Pengerusi, satu contoh yang konkrit ialah Jalan Kuching/Jalan Kepong di mana pada masa yang sibuk kira-kira 4,000 kenderaan melalui jalan raya itu pada satu arah sejam. Di jalan raya yang sama, lebih daripada 70,000 kenderaan menggunakan jalan raya ini setiap hari, di mana 30% daripadanya adalah motosikal dan 30% adalah lori. Adalah didapati bahawa tol hanya boleh dipungut daripada 450 kenderaan sejam untuk satu arah oleh setiap pondok tol. Misalnya, di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban yang mempunyai 6 pondok tol, adalah dianggarkan bahawa jumlah kenderaan pada masa sibuk adalah 2,700 dan kesesakan sering berlanjutan hingga setengah jam lamanya, tetapi di sepanjang Jalan Kepong/Jalan Kuching berapa banyak pondok tol yang boleh didirikan. Walaupun bilangan ruang jalan untuk setiap arah ditambahkan menjadi 3 ruang, pertambahan kepada 6,000 kenderaan yang berikutan untuk setiap arah menunjukkan bahawa pembinaan sebanyak 10 pondok tol pun tidak cukup. Kawasan lapang di Bandaraya adalah amat terhad, tidak seperti di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban.

Soal yang utama ialah apakah cara-cara lain yang Kerajaan dapat melaksanakan untuk mengatasi masalah kesesakan yang akan menjadi lebih buruk lagi. Masalah kesesakan ini masih berterusan dan makin hari semakin menjadi buruk. Di Jalan Kuching sekarang ada kenderaan-kenderaan semasa kesesakan menyusur masuk ke Taman City, Taman Batu tetapi Taman City dan Taman Batu adalah taman kediaman dan dengan ini timbullah masalah

kereta-kereta lari di kawasan-kawasan kediaman. Saya berharap pihak JKR dapat memperbetulkan keadaan ini.

Tuan Pengerusi, ada satu masalah lagi mengenai Maksud P.61 Bekalan Air, di muka surat 288 dan 289. Tuan Pengerusi, walaupun peruntukannya begitu banyak untuk membina kawasan-kawasan tadahan air, loji-loji air di beberapa negeri termasuk di negeri Selangor; yang terbesar sekali ialah Rancangan Bekalan Air Sungai Semenyih. Yang saya hendak menekankan di sini ialah efficiency ataupun mutu untuk mempergunakan sumber-sumber air kita ini hendaklah diperbaiki dan dipertingkatkan kerana pada masa ini negara kita hanya dapat menggunakan 15% sumber-sumber air di muka bumi Malaysia dan lebih daripada 85% sumber air ini mengalir masuk ke laut. Ini bermakna pengurusan sumber air negara kita tidak begitu cekap, tidak begitu baik dan ini terpaksa diperbaiki.

Masalah kawasan tadahan air ini ialah Kerajaan hendaklah menjamin bahawa dengan bekalan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat ulangi hujah tadi, saya kabur sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Kawasan tadahan air.

Tuan Pengerusi: Sebab Kerajaan membiarkan 80% daripada air hujan turun ke laut maka tidak cekap mengurus, adakah itu hujah Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak, pengurusan ke atas sumber air, the management of our water resources.

Tuan Pengerusi: Dengan izin!

Dr Tan Seng Giaw: Dengan izin, Tuan Pengerusi. Masalah yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai kawasan-kawasan tadahan

air. Adalah penting bagi Kerajaan untuk memelihara kawasan-kawasan ini.

Pada tempoh hari ura-ura untuk membina satu jalan raya melalui Kawasan Tadahan Air Klang Gates yang menghubungi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Janda Baik. Sekiranya rancangan ini dilaksanakan, maka Kawasan Tadahan Air Klang Gates ini akan rosak dan air hujan tidak akan turun di kawasan itu kerana perubahan alam sekitar. Begitu juga dengan kawasan-kawasan tadahan air yang lain. Kerajaan terpaksa memelihara supaya tidak ada pembangunan di kawasan-kawasan ini, terutamanya dengan peruntukan yang begitu banyak untuk membina dan melaksanakan rancangan-rancangan ini.

Satu masalah lagi ialah mengenai kehilangan air di dalam sistem bekalan air sekarang. Setengah-setengah orang berpendapat kehilangan air ini sebanyak 20% hingga 30% sebelum kita semua menggunakan air dan ini satu angka yang sangat tinggi dan perlu diperbaiki. Angka yang boleh diterima ialah tidak lebih daripada 10% air yang hilang daripada sistem bekalan air sebelum air ini digunakan oleh pengguna-pengguna.

Satu masalah lagi, saya harap pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan iaitu paip-paip yang digunakan untuk bekalan air. Setakat ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kehilangan daripada sistem bekalan air, adakah termasuk takungan?

Dr Tan Seng Giaw: Paip, saluran.

Tuan Pengerusi: Adakah takungan?

Dr Tan Seng Giaw: Daripada kawasan tadahan ataupun daripada loji-loji.

Tuan Pengerusi: Maknanya tidak termasuk evaporation?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak. Masalah ini adalah dengan saluran, dengan paip yang digunakan—paip besar, di mana paip asbestos yang digunakan biasanya. Asbestos ini boleh menyebabkan penyakit seperti 'asbestosis' dan bisa asbestosis ini boleh merosakkan paru-paru sehingga tidak dapat bernafas. Dengan penggunaan paip-paip asbestos untuk bekalan air ini, besar kemungkinan bahawa racun asbestos ini akan masuk ke bekalan air. Oleh itu, saya mendesak supaya Kerajaan mempertimbang semula tentang penggunaan paip-paip asbestos dan kalau boleh menukarkan kepada paip-paip besi atau paip-paip PVC. Sekain, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Petani.

5.02 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dan saya akan mengambil masa sedikit sahaja, iaitu pada muka surat 283, Maksud Bekalan 61, Kementerian Kerjaraya, Butiran 2—Jalan dan Jambatan.

Pada mulanya saya tidak hendak bercakap tetapi rasa saya berdosa kalau saya tidak bercakap di sini kerana yang saya hendak minta di sini bukanlah banyak sangat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jaga baik-baik bila hendak mengeluarkan fatwa itu. Dosa tak dosa itu

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Berdosa, Tuan Pengerusi, kalau kita sudah bercakap hendak mengambil tindakan sekian dan kalau sudah sampai di Dewan Parlimen di mana Kementerian ini dibahaskan di sini, dan saya tidak bercakap berkenaan dengan perkara ini, pada diri saya, saya rasa berdosa. Maka dengan sebab itulah walaupun masa

sedikit, saya terpaksa bercakap di sini, iaitu berkenaan dengan sebuah titi, bukanlah titi baru yang saya minta ini, iaitu satu titi lama iaitu yang dikenali sebagai Titi Panjang, Kuala Ketil. Titi ini telah rosak sekian lama dan tidak dapat diperbaiki.

Perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Kuala Muda dan juga dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Negeri Kedah. Jawabnya tiada peruntukan dan tiada wang. Saya rasa bukanlah banyak peruntukan ini. Sungguhpun mengikut Jurutera Kerja Negeri, dia kata sudah ada satu jalan yang lain dan dikehendaki orang ramai di situ dan penuntut-penuntut sekolah mengikut jalan yang lagi satu itu. Memang boleh, tetapi bagi penuntut sekolah, kalau hendak ikut jalan yang sudah dibina untuk mengganti titi itu, empat setengah batu.

Cubalah kita fikir, seorang penuntut sekolah rendah yang umurnya antara 8-12 tahun, kalau naik basikal empat setengah batu, bagaimana keadaan budak-budak ini apabila sampai ke bilik darjah untuk mengikuti pelajaran. Alangkah penat budak ini. Juga yang saya sangat-sangat mengharap kepada Kementerian Kerjaraya ini, peruntukan yang saya minta untuk membaiki titi ini telah dibuat satu anggaran iaitu daripada Tuan Jurutera Kerja Daerah di Sungai Petani, anggaran untuk membaiki ini hanya \$150,000. Pada saya \$150,000 dibandingkan dengan berjuta ringgit yang Kementerian ini akan dapat, \$150,000 itu bak kata pepatah, "macam melukut di tepi gantang". Masuk pun tak apa tak masuk pun tak apa, kecilnya peruntukan yang saya minta ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penuntut daripada empat buah sekolah yang menggunakan titi ini, dua sekolah menengah dan dua sekolah rendah dan juga penduduk-penduduk dari lima kampung. Selain daripada

itu, yang menggunakan titi ini ialah penoreh-penoreh getah yang mana mereka itu menoreh getah di ladang yang berhampiran. Kalau hendak ikut jalan baru yang JKR telah buat berbatu-batu ini, bagaimanalah? Kalau hendak toreh getah mesti bangun begitu punya awal dan pergi kutip getah itu pula, kalaulah orang-orang ini diminta berjalan sampai begitu jauh, tidak makanlah orang ini. Maka dengan sebab itulah sewajarnya Kementerian ini memberi peruntukan.

Saya ingat perkara ini bolehlah Kementerian ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini yang nampak saya, depan saya betul, merujuk balik kepada Jurutera Daerah, Encik Wan Ngah kalau tidak salah saya, dan Jurutera Negeri, kalau apa yang saya katakan di sini tidak betul, Timbalan Menteri boleh rujuklah, kalau boleh seberapa cepat yang dapat. Saya rasa satu hari dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, Tuan Pegawai Daerah minta saya pergi lihat titi itu sendiri dan lihat bagaimana kedudukannya. Saya pergi di situ, saya duduk, dalam masa 15 minit, lima motosikal lalu lalang di situ. Jadi kita rasa bagaimanakah kedudukan lalulintas itu? Kalau kita kata tidak payah baiki, tidak patutlah.

Lagi satu, titi ini lama sungguh, saya ingat dari beberapa tahun sebelum merdeka lagi titi ini sudah ada di situ. Saya rasa perkara ini patutlah sangat dan saya minta peruntukan ini diberikan. Titi yang hendak dibina, bukan hendak dibuat secara luas yang ada. Cuma dalam Majlis Tindakan Daerah, kita telah memutuskan titi ini panjangnya, panjang begitulah tetapi lebarnya untuk motosikal dan jalan kaki. Kenderaan macam motor

Tuan Pengerusi: Kalaupun Yang Berhormat hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, paling-palinglah ke sini. Sebab Peraturan Mesyuarat mengatakan Yang Berhormat kena paling ke sini.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Saya akan pandang, Tuan Pengerusi, hendak minta peruntukan ini, bukan senang, kalau tidak tengok betul-betul—(Ketawa)—duit, Tuan Pengerusi, kalau saya ada ribu-ribu tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan bekalan air. Saya rasa kita sudah merdeka 27 tahun. Kampung-kampung seluruh Malaysia ini

Tuan Pengerusi: Ya, Timbalan Menteri cuba minta penjelasan.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Saya cuba mengikut hujah ini tadi, tetapi saya tidak dengar apa nama titi itu. Ini cerita titi panjang, pendek, orang ramai

Tuan Pengerusi: Di mana?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Di mana? Tempat dia? Titi sengetkah?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Ya, titi ini namanya Titi Panjang, Kuala Ketil, duduknya dalam kawasan Parlimen saya.

Tuan Pengerusi: Batu ke berapa, jalan mana?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Batu itu saya tidak tahu, Tuan Pengerusi. Tetapi jalan ini kita boleh pergi dua, tiga jalan. Kalau hendak ikut jalan yang saya pergi ini, ikut-ikutan itu sampai ke jalan mati. Jadi kita duduk di situ. Titi ini

Tuan Pengerusi: Jadi titi ini, Titi Panjang, Kuala Ketil.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Titi Panjang, Kuala Ketil namanya, Batu 2, dia pun tahu. Jadi titi ini sejarahlah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri itu nampaknya seronok juga sebab dia hendak tahu mana, mungkin dia akan lulus peruntukan yang kecil ini (Ketawa). Lagi satu

Tuan Pengerusi: Bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan lulus. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun sudah ada.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Ya, ya, sama-sama pakatlah. Tuan Pengerusi, lagi satu saya hendak bercakap, fasal bekalan air, iaitu muka surat 283, Butiran 3—Bekalan Air. Banyak kita tahu kampung-kampung kita, penduduk-penduduk hendak merasa air paip. Boleh dikatakan seluruh Malaysia, tentang bekalan air ini tidak dapatlah mereka itu menikmati lagi, khususnya di kawasan saya banyak lagi kampung-kampung yang tidak mendapat bekalan air paip.

Saya ingat jawapan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dahulu, ia kata bekalan air paip kita akan semua dapat dalam tahun 2000. Dalam tahun 2000 rasa saya kalau sekarang hendak sampai tahun 2000, 16 tahun lagi. Kalau orang yang sudah merdeka itu sudah sampai 27 tahun, hendak suruh dia tunggulah 16 tahun, berapa lama masa itu? Kalau seorang ibu melahirkan anak perempuan hari ini, sudah menjadi gadis yang comel berumur 16 tahun. Kalau lelaki anaknya itu sudah jadi teruna kecil.

Saya rasa perkara air ini dan juga perkara lampu, saya rasa yang lain yang besar-besar kita tinggalkan dahulu. Kita bagi penduduk-penduduk di kampung-kampung ini. Mereka ini rakyat dalam tanahair kita Malaysia. Sebab apa kita penting sangat kepada bangunan-bangunan yang besar-besar, walhal mereka sendiri sebagai pengundi tidak dapat menikmati benda. Saya ingat tidak banyak yang saya hendak cakap hanya saya tuju kepada Titi Panjang Kuala Ketil ini dan lagi satu kepada bekalan air. Sungguhpun kita jangka masa itu sampai ke tahun 2000, saya rasa patutlah dipercepatkan lagi, tinggallah benda-benda yang lain, utamakanlah kepada air di kampung-kampung.

Sekian, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat daripada Jerai tidak ambil masa bolehlah saya memberi peluang kepada Yang Berhormat dari Padang Rengas, jika tidak mengambil masa terlalu panjang. Saya memanggil Yang Berhormat dari Jerai dulu tadi sebab tadi Yang Berhormat dari Padang Rengas telah pun berucap. Jadi eloklah saya beri peluang kepada Yang Berhormat dari Jerai dahulu. Silakan.

5.10 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Terima kasih, Tuan Pengerusi; tidak panjang sangat dalam 10 minit sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah P.61, Butiran 65, Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Kedah, (i), (ii), (iii) dan (iv).

Tuan Pengerusi, saya amat sukacita apabila melihat peruntukan diberikan lagi pada tahun 1985 untuk pembekalan air bagi negeri Kedah di mana projek ini adalah berupa projek lanjutan daripada Peringkat (I), (II) dan (III) untuk kawasan Alor Star dan juga bagi Peringkat I bagi Bekalan Air Ahning yang baru.

Apa yang saya ingin menarik perhatian di sini ialah tentang program-program dan perancangan-perancangan untuk perbekalan air yang mana bukan sekali dua telah dibangkitkan dan telah banyak kali dibangkit tetapi beberapa keadaan yang masih kita lihat perkembangannya tidaklah begitu menggalakkan. Misalnya di dalam kawasan saya sendiri sejak daripada tahun 1978 sehingga sekarang ini perbekalan air yang sudah pun ada berjalan sebelum ini telah pun berlaku kedudukan yang tidak dapat memberi bekalan yang mencukupi disebabkan oleh kerana banyak projek-projek perbekalan air telah diwujudkan di

dalam kawasan saya, tetapi takungan air sendiri telah tidak dapat sesuai ataupun telah tidak dapat membekal kepada keperluan pembangunan perbekalan air yang telah diwujudkan di kampung-kampung.

Apa yang mendukacitakan ialah perancangan asalnya tidak begitu teratur dan sehingga berlakulah logi-logi yang telah sedia ada itu tidak dapat membekal keperluan air yang ada dan satu logi telah dibuat di Gua Cempedak di mana telah diberi janji bahawa apabila siangnya projek logi di Gua Cempedak ini perbekalan air bagi kawasan dalam daerah Yan khasnya dalam kawasan Parlimen Jerai dapat dibekalkan dengan sempurna.

Dan setelah logi ini siap berjalan setelah beberapa bulan nampaknya tidak memberi kesan dan terpaksa dirancang satu lagi logi iaitu dibuat satu lagi logi di Bukit Besar dan apabila logi ini dibina telah dijanji oleh pihak JKR bahawa apabila siap logi di Bukit Besar ini perbekalan air juga akan sempurna. Akhirnya logi ini pun siap. Bila siap logi ini sekarang ini timbul masalah air pula tidak ada. Terpaksa hendak sediakan satu pam mengambil air daripada Sungai Muda untuk ke logi ini. Dan bila hendak dilaksanakan pam ataupun saluran bawa air ke logi ini didapati tanahnya pula tidak diambil, tidak ada diacquired dan sekarang ini terpaksa mendapatkan satu saluran sumber air daripada Batu Enam dekat Alor Setar kira-kira 10 batu pula di bawa daripada situ ke logi yang ada di Bukit Besar.

Nampaknya sekarang ini menunggu pula rumah pam ini akan siap. Apa yang saya lihat perancangannya yang tidak begitu teliti sehingga menimbulkan keadaan-keadaan selepas lima bulan, enam bulan, setahun tidak juga selesai masalah-masalahnya. Dan apa yang membimbangkan saya apabila siap pula rumah pam ini mungkin ada masalah lain pula di mana sehingga

akhir tahun 1984 ini lagi sekali air ini tidak dapat dibekalkan ataupun pressuranya tidak dapat memberi tekanan air yang mencukupi.

Satu masalah lagi yang saya menarik perhatian ialah tentang kawasan Jerai saya ini ada sebuah gunung bernama Gunung Jerai. Dan sebelum perang dunia kedua dulu boleh dikatakan keperluan air di daerah Yan yang terletaknya Gunung Jerai ini hanya menggunakan takungan air daripada Gunung Jerai itu sendiri kerana di Gunung Jerai ini mempunyai sumber air pergunungan tetapi tidak ada sumber air yang boleh diambil semula sepertimana logi di Bukit Pinang ataupun logi-logi yang lain.

Dan pernah beberapa kali kita mencadangkan supaya logi takungan air di Gunung Jerai; ada beberapa tempat takungan di Gunung Jerai ini yang boleh digunakan untuk simpanan air dan kita telah mengajak Pengarah JKR Negeri Kedah sendiri datang melihatnya tetapi akhirnya sampai sekarang sudah pun beberapa tahun tidak ada sesuatu kesan pun sedangkan air di Gunung kalau mengikut kajian hujan sekarang ini lebih daripada 121" setahun di mana pada keseluruhan Negeri Kedah lebih kurang 84" setahun dan penggunaan air hanya lebih kurang 22" sahaja setahun. Ini menunjukkan air mencukupi. Apa yang pentingnya ialah bagaimana kita hendak menakung air ini supaya dapat digunakan. Kalau pun di Gunung Jerai misalnya tidak dapat punca air daripada sungai ataupun saluran yang boleh dibawa ke logi tetapi takungan yang boleh diperbaiki, saya percaya mungkin boleh tahan 5 atau 6 bulan sekurang-kurangnya dapat membekalkan keperluan air yang seumpama ini.

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat beri masa sedikit kepada Yang Berhormat yang seorang lagi sebelum saya memanggil Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Ismail bin Arshad: Ya. Jadi dengan ini saya haraplah supaya Kementerian mengambil perhatian supaya dapat diadakan kajian langsung dan jika boleh datang lagi sekali bersama saya pun boleh untuk melihat punca air ini dan boleh diambil perhatian supaya sumber yang ada tidak membazir. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.16 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut satu dua perkara sahaja. Pertama saya hendak sentuh berkenaan dengan P.61, Butiran 6, perkara (viii) berkenaan dengan memperlebar dan membaiki jalan Kuala Kangsar/Grik.

Tuan Pengerusi, mengikot sejarahnya pada masa Kerajaan Persekutuan bersetuju menaikkan taraf menerima jalan ini di bawah penyeliaan Kerajaan Persekutuan rakyat-rakyat di kawasan ini amat bergembira kerana keupayaan Kerajaan Persekutuan tentulah lebih jika dibandingkan dengan keupayaan Kerajaan Negeri. Dan sejak itu nampaknya usaha-usaha, langkah-langkah telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menentukan langkah-langkah yang positif supaya jalan-jalan ini dapat dilebar dan dibesarkan.

Misalannya apabila jalan ini terletak di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan timbullah berbagai-bagai perkara yang pernah saya bangkitkan sama ada di Dewan ini dan juga di dalam Perhimpunan Agung UMNO sendiri di mana pihak Kementerian Kerjaraya tidak memberi kepastian di manakah aliran jalan ini yang sebenarnya hendak dibuat daripada Kuala Kangsar ke Grik. Akan tetapi dari segi perbualan secara lisan dengan

Timbalan Menteri menyatakan jalan lama juga hendak dibuat. Apa yang saya kehendaki supaya pengisytiharan dibuat secara jelas kepada semua Jabatan-jabatan kerana apabila kita hendak membuat pembangunan-pembangunan projek-projek di kawasan-kawasan sepanjang jalan ini mereka mengatakan kerana JKR tidak membenarkan bersabit dengan corridor jalan dan sebagainya. Jadi dengan penjelasan ini saya rasa tidaklah menghalang pembangunan-pembangunan yang hendak dibuat di kawasan ini.

Masa kebelakangan ini kita merasa gembira oleh kerana sedikit sebanyak kerja-kerja telah dibuat, kita ucapkan terima kasih, di mana jalan-jalan yang bengkok-bengkok telah diperbetulkan tetapi saya amat terperanjat manakala melihat peruntukan pada tahun 1985 langsung tidak dibuat, cuma dibubuh \$10 sebagai token sahaja.

Saya tidak tahu mengapakah keadaan berlaku demikian, pada hal kita tahu bahawa inilah sahaja satu-satunya jalan yang merupakan satu keperluan asas yang akan dapat membantu masyarakat di kawasan daerah Hulu Perak ini, yang tinggal jauh terpencil dipendalaman. Walaupun banyak pembangunan-pembangunan yang dibuat, pembangunan raksasa seperti janaelektrik di Temenggor, di Kendering juga di Bersia, akan tetapi ini tidak bermakna kita akan dapat membangunkan ekonomi di kawasan ini dengan cepat sekiranya kemudahan asas utama iaitu jalan ini tidak diperbaiki. Jadi oleh sebab itulah dalam taklimat pada 27hb yang baru ini di Bilik Gerakan Pembangunan Daerah, Hulu Perak sempena lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, Baginda telah bertitah menyebutkan "Ahli Parlimen ada, mengapa tidak bangkit perkara ini?"

Tuan Pengerusi, saya telah menjelaskan

Tuan Pengerusi: Itulah yang bangkit hari ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya beritahu kepada Tuanku, sebenarnya perkara ini Patik telah banyak kali bangkit di Dewan yang mulia dan hari ini saya hendak mengulangi lagi kerana Tuanku masih berada di Gerik, nanti Baginda Bertitah saya tidak sebut lagi, kerana peri mustahaknya jalan ini tidak dapat dipertikaikan, ianya merupakan sebagai pemyambung di antara Timur dan Barat.

Perkara yang amat menyedihkan lagi tatkala berlaku sesuatu kemalangan memerlukan rawatan-rawatan pakar kepada pesakit-pesakit di Hospital-hospital Besar, Rumah Sakit Daerah di Gerik ini, apakala hendak membawa pesakit-pesakit ini untuk mendapatkan khidmat doktor pakar di Ipoh sejauh 100 batu alangkah seksanya pesakit-pesakit ini duduk di dalam ambulans dengan melalui jalan yang begitu bengkok-bengkok, sebab itu selalu juga saya menyebutkan supaya kawasan-kawasan seperti ini kita menyediakan perkhidmatan pakar. Tetapi oleh sebab Kementerian Kesihatan tidak upaya sebagaimana yang selalu disebut oleh Menteri yang berkenaan, maka saya haraplah dengan bantuan dan sokongan dari Kementerian Kerjaraya ini akan dapat membetulkan, membesarkan jalan ini sekurang-kurangnya akan memberi kelegaan apakala kita hendak membawa pesakit-pesakit yang begitu jauh untuk mendapat rawatan pakar daripada Gerik ke Ipoh.

Selain daripada itu sebagaimana dimaklumkan bahawa sebahagian besar penduduk sepanjang-panjang jalan ini boleh dikatakan hidup

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bolehkah gulung sekarang memandang

hanya satu sahaja perkara yang dikemukakan iaitu jalan?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: di dalam kemiskinan, maka salah satu usaha hendak mempertingkatkan kehidupan mereka ini ialah untuk membangunkan sosio ekonomi penduduk di sini. Satu daripadanya ialah dengan adanya jalan yang baik supaya dapat menarik dan menawan pelabur-pelabur untuk membangun perusahaan-perusahaan di kawasan ini.

Walaupun di sini 'token' sahaja, tetapi saya masih tidak berputus harap lagi kerana di bawah peruntukan Butiran 4, Memperbaiki Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan, ada di peruntukan sebanyak \$74,100,000. Saya berharap dengan budibicara Kementerian akan dapat menggunakan sedikit sebanyak daripada peruntukan ini untuk faedah membesar jalan ini.

Satu lagi berkenaan jalan ini ada juga sebuah jambatan di Sungai Terap, Kati. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentulah faham kerana dia selalu ke sana, inipun telah runtuh sejak tahun 1982 sehingga sampai sekarang belum lagi dibina baru. Jadi saya berharaplah kalaupun jalan itu tidak ada duit hendak dibuat, baikilah dahulu jambatan ini sekurang-kurangnya adalah perubahan bagi tahun hadapan ini.

Yang akhir sekali, sedikit sahaja Tuan Pengerusi berkenaan dengan Maksud P.61 berkenaan bekalan air.

Saya seringkali menimbulkan berkenaan dengan kekurangan air di Lenggong. Saya lagi sekali menyatakan rasa terkejut apabila saya tengok di bawah Butiran 84, Rancangan Bekalan Air Negeri Perak, kawasan di daerah Hulu Perak langsung tidak ada di sini. Daerah-daerah lain saya nampak ada, tetapi daerah Hulu Perak khususnya daerah kecil Lenggong di kawasan saya tidak ada, pada hal saya telah

menyuarakan beberapa kali di dalam Dewan ini tentang peri mustahaknya bekalan air yang kurang sempurna di Lenggong.

Dari segi perancangan juga sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Jerai ini, saya suka timbulkan bahawa pada tahun 1978 lagi sudah ada satu takungan air di Sumpitan, sudah saya timbulkan dahulu dan kita minta bekalan paip, tetapi pihak Kementerian tidak upaya hendak memberikan paip, tidak apalah kita bersabar. Tetapi malangnya pada tahun 1982 diberi pula paip ke Gerik sedangkan Gerik tidak ada takungan air, baru hendak buat sekarang takungan air itu. Kalaulah paip itu dihantar ke Lenggong, orang Lenggong sudah dapat mengatasi bekalan air. Jadi dari segi perancangan ini kita haraplah supaya rakyat janganlah tergantung-tantung mengharap, sedangkan duit Kerajaan telah habis, kalau kita kaji daripada tahun 1978 sampai tahun 1982

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk sebentar. Saya harapkan janganlah sampai saya potong ucapan Yang Berhormat di tengah-tengah ayat, saya mohon supaya saya jangan dipaksa berbuat demikian. Sila gulung sekarang.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih. Jadi saya haraplah supaya kemudahan air di Lenggong ini dapat diatasi, maka dengan ini saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya menjawab dan menggulung perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Oleh kerana saya sedar banyak perkara yang dibangkitkan yang hendak dijawab dan mungkin Yang Berhormat perlu merujuk tentang beberapa perkara berkenaan detail-detail tertentu, jadi saya

memberikan masa untuk perlahan-lahan menjawab satu demi satu dengan mengambil masa sekiranya perlu merujuk boleh dirujuk. Silakan, Yang Berhormat.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Bismillahir-rahmannir-rahim.

Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Batu Gajah, Julau, Bagan Datok, Kepong, Sungai Petani, Jerai dan akhirnya dari Padang Rengas yang telah mengambil berat tentang Kementerian Kerjaraya dan membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian ini dalam Jawatankuasa pada hari ini.

Saya ingin memaklumkan bahawa tidak semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan ini dapat dijawab dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, tetapi saya memberi pengakuan, saya dan pegawai-pegawai Kementerian telah mencatat seluruh perkara yang dibangkitkan ini dan bahagian-bahagian yang tidak saya jawab di dalam Dewan ini akan kita ambil tindakan termasuk melawat ke kawasan-kawasan yang dikatakan begitu teruk dan tenat, seperti yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok dan Yang Berhormat dari Jerai tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Julau telah membangkitkan beberapa perkara di Sarawak sendiri supaya Kementerian saya memberi perhatian terhadap pembinaan Lebuhraya Pan-Brunei melalui Lawas dan Limbang untuk memudahkan perjalanan daripada kedua-dua tempat ini dan mendekati lagi dalam perjalanan ke Sabah.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya akan memberi

perhatian dan pertimbangan bagi pembinaan lebuh raya ini, dan kita merancang untuk dibawa dalam Rancangan Malaysia yang Kelima. Kita juga berjanji bahawa perkara yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas supaya alignment, dengan izin, lebuh raya ini dapat melalui kawasan-kawasan penempatan ataupun kampung-kampung di kawasan yang berkenaan supaya rakyat di kawasan yang berkenaan dapat faedah daripada pembinaan lebuh raya yang telah disebutkan tadi.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada itu, Yang Berhormat dari Bukit Mas juga telah membangkitkan masalah mengenai latihan kakitangan Jabatan Kerjaraya Sarawak dan juga membangkitkan tentang masalah bangunan baru dan jambatan baru di Limbang, termasuk, dengan izin, 'retaining wall' bagi sungai yang berkenaan. Ingin saya maklumkan, masalah kekurangan peruntukan yang dialami oleh Kementerian ini menjadikan beberapa kekurangan dalam pembinaan pembangunan yang berjalan. Sungguhpun demikian, masalah hakisan dan masalah pembinaan, dengan izin, 'retaining wall' ini tidak termasuk di bawah Kementerian saya. Bagaimanapun, jambatan baru di Limbang akan ditimbang jika peruntukan dapat disediakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Yang Berhormat dari Julau telah membangkitkan tidak ada jalan di kawasanya, melainkan rakyat di kawasan ini hanya menggunakan perahu dan beliau telah meminta peruntukan yang lebih besar untuk jalan dan meminta jalan-jalan ini dinaikkan taraf. Peruntukan yang disediakan bagi Negeri Sarawak berasaskan kepada jumlah peruntukan yang disediakan bagi semua projek bagi Kementerian saya. Bagi Negeri

Sarawak, projek-projek itu akan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Cadangan mengenai Pan-Brunei Highway telah saya jelaskan, akan ditimbang dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Saya tertarik hati dengan masalah yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok. Yang Berhormat dari Bagan Datok telah membangkitkan beberapa perkara, di samping mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian saya di atas prestasi yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai di Kementerian ini. Bagi pihak Kementerian dan pegawai-pegawai, saya ingin merakamkan terima kasih kepada penghargaan ini.

Bersabit dengan jalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, iaitu jalan daripada Telok Intan ke Bagan Datok dan perkara ini mungkin akan menjejaskan kedudukan Ahli Yang Berhormat dari kawasan yang berkenaan, dalam pilihan raya umpamanya. Saya ingin memaklumkan bahawa keadaan jalan yang tidak baik ini adalah dengan adanya rancangan Kerajaan untuk membawa kemudahan kepada rakyat di kawasan yang berkenaan juga. Dalam membawa pembangunan ke kawasan-kawasan yang tertentu, Tuan Pengerusi, sudah tentulah berlaku kerosakan-kerosakan kepada perkara yang lain, seperti kata orang tua-tua: untuk mendapat rumah yang cantik, sudah tentu banyak kayu yang rosak. Maka kerosakan jalan ini adalah disebabkan dengan pemasangan paip air yang juga telah dikemukakan oleh Yang Berhormat ini kerana terdapat kekurangan air di kawasan-kawasan Bagan Datok. Saya percaya bahawa setelah pemasangan paip air ini selesai, dan kita jangka pemasangan paip air ini akan selesai dalam tahun 1985, maka kita akan berusaha untuk memperelokkan muka jalan ini semula dan saya percaya Ahli Yang Berhormat akan berpuas hati dan boleh

menerangkan perkara ini kepada rakyat di kawasan yang berkenaan. Dengan itu, Kerajaan tidak melalaikan tanggungjawabnya untuk memberi kemudahan infrastruktur kepada penduduk-penduduk dikawasan Bagan Datok ini.

Projek Bekalan Air Perak Selatan dan Hilir Perak, anggaran kosnya \$91 juta ialah sebuah projek yang besar dan akan mengambil masa yang panjang untuk menyiapkannya. Kemajuan sekarang ialah sebanyak 35% dan seperti yang saya katakan, ianya dijangka siap dalam tahun 1985 dan kita akan melihat supaya ianya kalau boleh disiapkan dalam waktu yang lebih awal.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu mengenai jambatan maut di Bagan Datok, juga di Telok Intan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan Datok. Jambatan ini adalah satu jambatan di mana terdapat jalan keretapi, jalanraya, basikal dan lalulintas, iaitu jalan kaki bagi seluruh pengguna-pengguna jambatan ini. Saya akui terdapat kemalangan-kemalangan dan kesesakan serta memakan masa kepada pengguna-pengguna jalan di kawasan ini dan pihak Kementerian telah mengambil tindakan untuk melihat satu kawasan yang baik bagi pembinaan sebuah jambatan baru. Insya Allah, sekiranya peruntukan kita mengizinkan, jambatan maut ini tidak lagi kita gunakan, diharap peratus kematian akan berkurangan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang telah beria-ia benar untuk meminta peruntukan sebanyak \$150,000 di dalam Dewan ini bagi membina titi di kawasan Parlimen Sungai Petani yang dikenal sebagai Titi Panjang walaupun pada peringkat awalnya Yang Berhormat mengatakan titi ini tidak panjang. Saya ingin memaklumkan di dalam Dewan ini bahawa Kementerian kita mengambil

perhatian yang berat kerana memandangkan bahawa ianya melibatkan keadaan sosial dan ekonomi penduduk kampung, juga tentang kemudahan pembangunan pelajaran bagi kanak-kanak di kawasan yang berkenaan.

Selain daripada itu, seperti Yang Berhormat ketahui bahawa Kementerian saya bukanlah satu Kementerian yang bertanggungjawab untuk membekalkan bekalan air di seluruh negara walaupun implementasinya adalah diberi tugas kepada pihak JKR Daerah, tetapi peruntukan kewangan bagi membekalkan air di kawasan-kawasan luar bandar adalah datangnya dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya percaya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar juga telah mengambil berat bersama-sama dengan Kementerian Kerjaraya bagi mengadakan rancangan bekalan air yang cukup kepada rakyat di negeri ini sehingga kepada tahun lebih kurang 2,000 yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan masalah kesesakan yang berlaku di kawasan Kepong dan juga perkara-perkara mengenai kehilangan air yang terdapat di dalam negara ini dan kecekapan pentadbiran kita menggunakan punca air yang ada di dalam negara kita. Beliau telah menekankan bahawa kita hanya berjaya mengambil 15% daripada punca air yang terdapat dalam negara ini dan saya ingin memaklumkan bahawa 15% ini juga merupakan satu usaha kita, kemungkinan ada negara-negara lain yang tidak dapat mengambil 15% seperti yang telah disarankan.

Di samping itu beliau telah menekankan bahawa setelah punca-punca air ini kita dapati, kita agak kurang efficient mentadbir tentang kehilangan air ini. Beliau telah

meminta supaya kehilangan air hanya tidak lebih daripada 10%. Saya melihat di Rantau Asia ini tidak ada sebuah negara yang boleh menyekat kehilangan air kurang daripada 16% tetapi kita sendiri telah berjaya menyekat kehilangan air ini antara 20% ke 25% dan kita bercadang untuk mengurangkan percentage ini supaya bekalan air yang ada pada kita ini dapat digunakan lebih banyak daripada yang hilang.

Beliau juga telah menyarankan supaya kita menukar daripada paip yang ada sekarang ini kepada paip asbestos dan paip besi kerana paip yang ada ini ada kemungkinan mengandungi racun. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Doktor dari Kepong ini. Kita harap beliau dapat membuktikan bahawa kandungan racun yang ada di dalam bekalan air yang ada pada kita dan sekiranya perkara ini boleh menjejaskan kesihatan rakyat maka tindakan tegas akan kita ambil tetapi saya juga tidak berasa ragu Yang Berhormat dari Kepong ini setelah mencadangkan kepada kita untuk menggunakan paip asbestos dan paip besi, pada satu masa nanti akan mengemukakan dalam Dewan yang sama pula mengatakan paip asbestos dan paip besi juga mengandungi racun maka kita tidak boleh pula menggunakan paip ini. Dengan itu kekurangan kehilangan air akan bertambah oleh sebab kita tidak menggunakan paip langsung.

Saya berharap Yang Berhormat dari Kepong ini akan bekerjasama dengan Kerajaan dan daripada sikap yang telah ditunjukkan daripada ucapannya, saya percaya akan menakutkan rakyat bahawa dalam masa kita memberi bekalan air kepada rakyat kita mengabaikan tanggungjawab kita yang kita juga bersama-sama membekalkan racun di dalam air ini. Sungguhpun air ini adalah satu ayat yang pendek tetapi ia mencemarkan kewibawaan Kerajaan dan bangsa yang ada di dalam negara

ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang supaya jangan sewenang-wenang melemparkan tuduhan yang boleh menjejaskan khasnya Kementerian saya ataupun Kerajaan yang ada pada hari ini tanpa mengambil berat tentang risikonya.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya ialah Yang Berhormat dari Jerai dan Yang Berhormat dari Padang Rengas. Yang Berhormat dari Jerai telah mengambil perhatian yang begitu berat pada rakyat di kawasanannya termasuk pembangunan-pembangunan daripada Kementerian saya khasnya daripada Bahagian Bekalan Air dengan mengatakan bahawa planning ataupun perancangan tidak begitu baik sehingga selepas satu pembangunan dijalankan maka ianya berkehendakan satu pembangunan lain untuk membolehkan pembangunan yang asal itu dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Saya tidak menolak perkara yang berlaku seperti ini dan perkara ini bukanlah satu perkara yang tidak mungkin tetapi kita juga mesti mengingati bahawa dalam waktu kita merancang pembangunan bekalan air ini kadang-kadang terdapat pertumbuhan penduduk yang begitu banyak dan kadang-kadang berlaku planning yang tidak diperhatikan dengan serius. Kita sendiri telah meminta pegawai-pegawai kita pada masa-masa yang akan datang supaya mengambil perhatian yang lebih serius dalam merancang pembangunan bekalan air ini supaya ianya tidak terjadi satu perancangan 'Gajah Putih' tetapi penggunaannya tidak dapat dirasa oleh rakyat.

Saya ingin menekankan juga bahawa permintaan-permintaan air bagi negeri Kedah terutama sekali Kedah Utara ialah yang tertinggi sekali di Malaysia. Ini adalah kerana perkembangan ataupun pertambahan kawasan yang sepatutnya dibekalkan oleh

kemampuan kita dan dengan itu maka perkara-perkara seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi setelah satu loji dibina maka kita terpaksa membina pula satu loji yang lain dan saya bukan sahaja menekankan bahawa perkara ini berlaku di kawasan Yang Berhormat, perkara ini juga berlaku di kawasan saya iaitu Kawasan Parlimen Bagan Serai. Ini kemungkinan dalam saat kita hendak menambah bilangan penduduk kepada 70 juta di samping kemudahan Kerajaan memberi pinjaman pembinaan perumahan dan pembangunan yang pesat ini menjadikan perancangan kita membekalkan kemudahan ini telah diatasi oleh perancangan kemudahan yang didapati oleh rakyat seperti pembinaan rumah dan kelahiran penduduk. Sungguhpun demikian saya percaya bahawa Kementerian tidak mengabaikan tanggungjawab ini dan akan terus cuba mengatasi perkara ini. Satu treatment plant telah dibina di mana kapasitinya sebanyak 25 million gelen pada satu hari adalah sesuai untuk sehingga tahun 1992 dan saya harap selepas daripada perkara ini, saya ingin mendapat maklumat lebih jelas daripada Yang Berhormat dari Jerai.

Buat akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Rengas yang telah membangkitkan tentang masalah Jalan Kuala Kangsar/Gerik di mana peruntukannya ialah \$10 sahaja dan ini patut kita mengucapkan terima kasih kerana ada permohonan-permohonan yang lain yang kita tidak dapat mengadakan peruntukan ataupun token sum, dengan izin, sebanyak \$10 ini tetapi ini bukan bermakna bahawa kita akan mengekalkan peruntukan \$10 ini sahaja untuk beberapa tahun yang akan datang, kita akan melihat daripada segi pembangunan yang sesuai supaya keadaan perhubungan antara Kuala Kangsar/Gerik ini dapat dimudahkan. Dan selain daripada itu

pada masa ini kita juga memulihkan jalan raya yang sedia ada supaya perhubungan di antara Kuala Kangsar dan Gerik dapat digunakan dengan lebih selamat dan lebih cepat. Saya mengambil perhatian tentang jambatan Sungai Terapi, Kati yang runtuh dalam tahun 1982 dan begitu juga dengan keadaan bekalan air yang ada di kawasan Padang Rengas ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Rengas di mana sebahagian daripada daerah kawasan Ulu Perak bahawa dalam tahun 1986 akan terdapat bekalan air yang tidak putus di sepanjang jalan dan sebahagian daripada kampung daripada Keroh ke Kuala Kangsar kerana beberapa loji yang kita bina dan yang akan kita bina akan dapat disiapkan dan akan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di sepanjang jalan ini yang mana sebelum ini adalah menjadi satu kekurangan yang amat besar.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memberi pengakuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara ini dan saya percaya banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan membangkitkan perkara-perkara yang lain dan kita walaupun dibangkitkan dan tidak dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini kita sentiasa memberi perhatian kepada kemajuan rakyat melalui Kementerian dan tanggungjawab yang diberikan kepada kita. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap yang telah mengambil berat tentang Kementerian saya, saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$326,759,800 untuk Maksud B.61 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$326,759,800 untuk Maksud B.61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,079,866,190 yang disebutkan dalam Maksud P.61 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,079,866,190 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B.62 (Jadual)—

Maksud P.62 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan 62 dan Maksud Pembangunan 62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.52 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berkenaan Maksud Bekalan 62, Butiran 1—Pentadbiran dan Pembangunan. Masalah pemilikan tanah adalah merupakan satu masalah biasa pada hari ini dan pada masa-masa yang lalu dan masalah pengawasan dan penguasaan tanah ini juga adalah merupakan suatu bentuk yang boleh dilihat ataupun ukuran status bagi sesuatu "family" sesuatu keluarga di kampung. Jadi dengan itu satu perkara yang berkait dengan tanah ini adalah merupakan suatu hubungan hidup mati bagi orang-orang kampung yang amat berhajat kepada tanah.

Saya telah pun meneliti Kanun Tanah Negara dan pindaan-pindaan Kanun Tanah Negara yang dibuat pada bulan Mac, 1984 yang telah pun

digezatkan dan saya tidak nampak satu perkataan pun bagi membolehkan suatu pemerosesan tanah yang dipohon dapat dibuat dengan kadar yang segera.

Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali beberapa lama di dalam Dewan yang mulia ini tetapi masalah penyelesaian permohonan tanah itu masih lagi tidak dapat dibuat dengan memuaskan hati pemohon-pemohon, malahan sesuatu permohonan itu boleh jadi sampai lima tahun, tujuh tahun tidak dapat diselesaikan.

Masalahnya tidak dapat diketahui dengan tepat tetapi apa yang saya pandang dan lihat bahawa masalah kemanusiaan inilah merupakan satu masalah yang pokok kepada penyelesaian masalah ini. Dengan itu saya rasa proses untuk memberi tanah itu bukanlah merupakan satu proses yang susah, daripada satu permohonan daripada satu orang Si "A" akan mengemukakan permohonan kepada Pemungut Hasil Tanah dan mungkin Pemungut Hasil Tanah akan mengarahkan "Tracer" atau Juruteres untuk menandakan di dalam "lithosheet" bagi kawasan-kawasan yang dipohon. Jika kawasan itu telah dipohon di dalam "lithosheet" itu ada ditanda, maka pada hari yang sama juga Pemungut Hasil Tanah boleh memberitahu kepada pemohon bahawa di sini telah dipohon oleh Si "B". Sudah tamat dan Si "A" mungkin berpuas hati kerana telah mendapat satu jawapan yang muktamad daripada Pemungut Hasil Tanah, tetapi tidak, surat yang diterima disimpan begitu lama, disimpan sehinggalah bertahun-tahun. Proses permulaan untuk permohonan tanah ini setelah Pemungut Hasil Tanah menerima surat permohonan, ia boleh mengarahkan supaya fail Si "A" itu dibuka dan selepas mengarahkan pegawai penempatan untuk menyukut tanah itu kalau sekiranya kawasan itu tidak lagi dipohon oleh orang.

Selepas itu laporan daripada S.O. ataupun Pegawai Penempatan akan diserahkan Pemungut Hasil Tanah untuk dianya membuat kertas kerja kepada PTG. Di sini memakan masa lagi, di pejabat Pengarah Tanah dan Galian, pejabat PTG sebelum membuat "recommendation" kepada EXCO, memakan masa, selepas itu hendak dikeluarkan dan disebarkan untuk bantahan, lagi memakan masa sehinggalah tiga, empat tahun, ini proses birokrasi yang kita lihat dan nampak berlaku sekarang ini.

Sebenarnya ini satu perkara yang boleh kita lakukan dengan baik, cepat dan jelas, kalau sekiranya kita berkehendakkan. Apa yang dikehendaki oleh petani-petani, orang-orang kampung ialah suatu "Qualified Title" dengan izin, Tuan Pengerusi. Itu sahaja yang mustahak baginya untuk pegangan sebagai bukti bahawa ianya mempunyai kuasa di atas tanah itu, Q.T. dan selepas daripada itu mereka ini tidak memikirkan untuk mendapat surat hak milik kekal seterusnya. Mereka mungkin akan menunggu begitu lama, mungkin bertahun-tahun untuk mendapatkan surat hak milik kekal.

Jadi dengan itu saya hendak mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan bagi semua negeri bagi mengkaji berapa banyak permohonan-permohonan yang tidak diproses. Oleh itu membuat "recommendation" kepada Kerajaan bagaimanakah hendak menyelesaikan permohonan-permohonan yang bertimbun-timbun ini. Inilah suatu permohonan supaya kita dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada kehendak masyarakat tani miskin di kampung-kampung.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya telah mendapat tahu bahawa Kerajaan hanya akan melaksanakan penguatkuasaan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 yang telah diluluskan pada bulan Mac

yang lalu dan telah digezetkan pada 28hb Jun yang lalu, pada 1hb Jun, 1985. Saya telah pun menyatakan pandangan saya terhadap Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan saya telah pun mendapat jawapan dan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada beliau. Masalahnya yang diberikan ialah masalah teknik. Saya bersimpati kepada Yang Berhormat Menteri kerana masalah teknik ini saya dapat terima dan melihat masalah ini. Saya hendak meminta kepada Kerajaan jika sekiranya masalah teknik ini tidak dapat diselesaikan terlebih dahulu jadi sebarang Akta atau Rang Undang-undang tidaklah payah dibawa masuk ke Dewan yang mulia ini diperbahaskan kerana ianya akan menimbulkan masalah di kemudian hari.

Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tetapi kepada Kerajaan yang memproses pengurusan pembentukan Akta-akta ini kerana pada pandangan saya ianya akan membawa suatu keadaan yang merugikan kerana di dalam Kanun Tanah Negara kita telah melihat pindaan-pindaan yang kita telah bahaskan kepada Seksyen 205 misalnya kepada sub-seksyen (3) dan (4) iaitu mengenai kuasa untuk tidak meluluskan tanah yang kecil yang kurang daripada $\frac{2}{5}$ hektar atau 1 ekar tanah pertanian. Ini rugi sebab perlaksanaannya pada 1hb Jun, 1985.

Jadi sekarang ini pecahan lot yang dipanggil lot lidi atau pecahan lot secara haram dilakukan dengan cara sewenang-wenangnya dan orang-orang tertentu melakukan itu bertujuan untuk mencari keuntungan, mungkin mereka tahu jika sekiranya masuk menerusi proses yang sebenarnya tidak akan diluluskan, tetapi mereka telah menjual lot-lot di tepi jalan raya dengan harga \$4,000 satu lot. Jika sekiranya satu ekar boleh buat 8 lot, maka berjumlah $4 \times 8 = \$32,000$ bagi

satu ekar. Itu satu spekulasi yang telah dibuat.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan ialah mengenai pindaan di bawah Perkara 33A iaitu Seksyen 433 iaitu suatu sekatan yang dibuat di dalam Akta ini bagi menyekat pemilikan warganegara asing di dalam negara ini. Jika penguatkuasaannya pada 1hb Jun, 1985 daripada tarikh 28hb Jun, 1984 sehingga 1hb Jun, 1985, bermakna non-citizen dapat memiliki tanah di negara kita. Kerajaan mungkin menjawab bahawa Pemungut Hasil Tanah (PHT) boleh menolak sesuatu pindah milik tanah kepada orang-orang yang bukan warganegara itu. Saya akui ada kebenarannya dan ada hak untuk menolak tetapi perkara yang berlaku sebenarnya di dalam pekan-pekan, di dalam bandar seperti Kuala Lumpur, orang asing itu akan cuba membeli satu syarikat bumiputera yang mempunyai milik tanah, seluruh syarikat itu dibeli, termasuklah tanah itu.

Ini yang saya katakan rugi Kerajaan jika sekiranya kita tidak dapat melaksanakan perkara itu dengan segera. Jadi saya hendak menyeru kepada Kerajaan supaya dapat melaksanakan perkara itu dengan kadar yang segera supaya pindaan seperti itu dapat menyekat pemilikan tanah oleh bukan warganegara dan juga orang ramai dapat menikmati pindaan-pindaan yang membawa kebaikan iaitu seperti mana boleh menggadai sebahagian daripada tanah di dalam, dengan izin, undivided share. Ini satu perkara yang baik dan mereka menunggu-nunggu perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak masuk ke Butiran 2 iaitu Pentadbiran dan Perundangan Tanah. Saya hendak sebutkan masalah tunggakan tanah sebagai satu masalah yang dihadapi oleh semua pejabat-pejabat tanah.

Masalah ini saya lihat ada kekurangan di dalam Seksyen 97 (1)

dan (2), walaupun PHT boleh menghantar notis melalui Borang 6A kepada tuanpunya tanah yang tidak membayar cukai tanah selepas dia gagal, Borang 6B akan dikeluarkan dan selepas 3 bulan tanah itu digadai, boleh dilelong oleh PHT. Tetapi saya tidaklah hendak perkara itu berlaku, apa yang saya lihat bahawa kelemahan pada seksyen ini kerana bagi menyampaikan notis di dalam sesuatu tanah, tuan-tuan tanah itu mestilah menerima semua sekali notis. Kalau seorang terima tak bolehlah tindakan diambil untuk menggadaikan atau melelong tanah itu dan juga tidak ada kekuatan pada seksyen ini untuk mengambil tindakan kepada tanah-tanah pesaka, tidak dapat diambil kerana tuan punya itu si mati tidak dapat kita hendak "serve notice", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Jadi saya rasa pada pandangan saya seksyen ini dapatlah kita memperbaiki supaya ianya selaras dengan beberapa pindaan yang lain supaya notis itu dapat kita serahkan. Pindaan perlulah dibuat dan diselaraskan dengan Seksyen 95 Akta (Pindaan) dan juga Seksyen 343 yang disebutkan tadi supaya ianya dapat membayangkan satu perkara yang baik.

Seksyen 95 yang disebutkan tadi ialah bagi membolehkan PHT menetapkan tempat pembayaran cukai tanah. Jadi, jika sekiranya kita boleh tetapkan tempatnya selain daripada Pejabat Tanah, (dahulu Pejabat Tanah hanya satu tempat membayar cukai tanah) tetapi sekarang ini PHT mengikut Seksyen (Pindaan) 95 ini boleh menetapkan di mana-mana sahaja yang lojik untuknya. Dan Seksyen 433 perkara 3 yang saya sebutkan bagi membolehkan tuan punya dalam "undivided share" ini melakukan gadaian, jualan ataupun "lien" bagi tanah yang diperolehinya. Jadi berkenaan dengan itu saya hendak menyarankan supaya Kerajaan dapat mengeluarkan bil-bil cukai berasingan

bagi tuan-tuan tanah di dalam tanah undivided share ini supaya mengikut kadar keupayaan masing-masing dan dia boleh menjelaskan bahagiannya. Ini mestilah disertai dengan satu program ataupun program Kerajaan untuk melancarkan, membekalkan komputer pada Pejabat-pejabat Tanah. Ini boleh dilakukan. Kalau masalah dahulu secara yang dibuatkan sekarang ini mungkin tidak boleh kerana sesuatu pindah milik itu tidak dapat disemak dengan cepat tetapi jika sekarang ini kita menggunakan sistem komputer pindah milik dapat disemak dengan cepat maka tidak ada masalah untuk kita memecahkan bil-bil hasil, bil-bil cukai ini supaya ianya dapat dibayar dengan mudah dan tiap-tiap seorang yang memegang sebahagian share itu dapat menjelaskan kepada PHT supaya tunggakan itu akan makin bertambah kurang.

Perkara yang seterusnya saya hendak menyebutkan mengenai Seksyen 101 iaitu mengenai penyemakan cukai tanah. Baru-baru ini Kerajaan telah pun mengadakan semakan cukai tanah yang menimbulkan beberapa pertanyaan atau kegelisahan penduduk-penduduk masyarakat luar bandar. Saya bukan tidak bersetuju dengan "revision" ini tetapi mestilah satu semakan yang boleh melambangkan keadilan. Tanah-tanah misalnya di dalam kawasan MADA, tempat saya sendiri, tanah itu disebabkan oleh projek pembangunan MADA telah tidak dapat digunakan dan tidak dapat ditanam telah bertahun-tahun kemudian apabila dikaji, disemak semula cukai tanah ini, cukai tanah telah naik sekali ganda, cukai air terpaksa dibayar tetapi tanah masih tidak dapat diusahakan. Ini perlulah diberi pertimbangan supaya Kerajaan dapat menerima rayuan daripada tuan-tuan punya tanah yang termasuk di dalam kategori ini untuk tidak menjelaskan sekurang-kurangnya cukai air yang mesti dibayar dan cukai-cukai tambahan pindaan ini.

Di dalam perkara pindaan kepada Seksyen 205, perkara (3), (4) iaitu sebarang perkiraan pindah milik tidak dapat dilakukan bagi tanah yang kurang daripada satu ekar. Saya cuma hendak minta pandangan daripada Kerajaan bagaimanakah penyelesaian bagi satu keping tanah pesaka yang mempunyai waris yang ramai, sudah pastilah pembahagian ini akan menimbulkan masalah jika sekiranya tanah itu kurang daripada satu ekar, maka ianya tidak boleh dibahagi-bahagikan mengikut Kanun ini. Ini telah bercanggah dengan hukum Islam, hukum faraid dalam Islam. Jadi mestilah disemak perkara ini, dapatlah kita melihat, dapatlah memberi gambaran yang sempurna kepadanya.

Perkara yang seterusnya adalah mengenai pemindahan bahan-bahan batu, 'removal of rock materials, dengan izin, Seksyen 70 hingga 75 Kanun Tanah Negara. Cukai ataupun hasil yang dibayar atas tanah yang dikeluarkan sama ada tanah merah, batu, pasir ataupun rumput adalah tertakluk kepada perkara ini. Apa yang saya lihat berlaku banyak kejadian mencuri bahan batu itu, dibawa tanpa permit kerana urusan penjagaan itu hanya terletak kepada PHT untuk memeriksa sama ada sesebuah lori itu mempunyai permit yang sah atau tidak. Jika sekiranya Jabatan Hutan boleh menubuhkan pusat pemeriksaan barang-barang hutan, mengapa tidak Jabatan Tanah ini boleh mendirikan satu tempat, rumah di tepi jalan bagi memastikan bahawa tiap-tiap lori yang membawa tanah merah, batu, pasir itu mestilah membawa resit cukai yang sah pada hari yang berkenaan supaya penyelewengan ataupun penipuan itu tidak berlaku di mana-mana dan selepas itu kita membenarkan pihak yang lain seperti JPJ dan Polis untuk menyemak dan diberi kuasa mereka untuk menahan lori-lori berkenaan kerana ini merupakan sebahagian daripada sumber pendapatan Kerajaan.

Saya seterusnya masuk kepada pindaan Seksyen 42, Kanun Tanah 1984 yang lalu iaitu, dengan izin, Tuan Pengerusi, 'To permit the use of air space above the State Land or Reserve' iaitu permit bagi menggunakan ruang udara. Syarat-syarat permohonan semua ditetapkan di bawah Seksyen 75 (a). Ini satu perkara baru, manakala dalam Seksyen 425A adalah menjelaskan mengenai hukuman orang yang menggunakan 'air space' ini tanpa mendapat kelulusan. Kita bersetuju, setelah ada Aktanya bagi penggunaan ruang udara, jadi mestilah ada hukuman. Jika sekiranya orang menggunakan ruang udara ini secara haram bagi mendirikan titi, boleh jadi 'fly over', dengan izin, ataupun sebarang bumbong di tanah Kerajaan dan denda maksimumnya ialah \$2,000.

Pindaan kepada Seksyen 42 dan 75 ini adalah perkara baru yang saya sebutkan tadi tetapi pindaan-pindaan ini adalah bercanggah, bertentangan dengan Akta 133, Kerajaan Tempatan—75 (1) di bawah permohonan untuk meluluskan sesuatu 'building plan, di bawah Seksyen 70, kerana inya mesti menggunakan reserve jalan 40 kaki 'building line, 10 kaki daripada sempadan sesuatu sempadan tanah. Jika sekiranya kita membenarkan penggunaan ruang udara, mestilah perkara ini sudah bertentangan dan di samping itu pula di dalam Seksyen 35 (2) di dalam Akta 133 ini, pihak Berkuasa Tempatan boleh menggunakan kuasa untuk meruntuhkan sebarang 'sky sign', dengan izin. Jadi, jika sekiranya Pemungut Hasil Tanah membenarkan orang menggunakan ruang udara, tetapi mengikut Seksyen 35 (2) ini Majlis Daerah Kerajaan Tempatan boleh meruntuhkan. Ianya bertentangan di antara satu sama lain. Jadi, saya haraplah supaya Kerajaan dapat memperbaiki perkara ini dan selaraskan perkara ini supaya ianya tidak bertentangan. Ini tidak termasuk

lagi di dalam usaha untuk memecahkan sempadan-sempadan bangunan yang boleh diluluskan oleh pihak Pemungut Hasil Tanah. Tetapi di dalam Perkara 4 Kanun Tanah Negara iaitu 'sub-division of buildings' iaitu Seksyen 125 (c). Ianya menyebutkan bahawa tidak dibenarkan sub-division, kalau ianya bertentangan dengan sebarang undang-undang bertulis. Ini lagi nampak percanggahan-percanggahan di dalam urusan pembahagian tanah di dalam penggunaan ruang udara ini. Saya haraplah supaya perkara ini dapat dikaji semula. Dan saya hendak cuba meringkaskan sedikit.

Sekarang saya hendak masuk Butiran 5, B.62. Saya berhenti setakat itu dahulu untuk tanah, dan saya hendak sentuh mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, muka surat 299—FELDA.

Tadi di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun menjelaskan mengenai penanaman semula getah bagi projek program FELDA. Apa yang saya dengar dan pernah dengar, bahawa di dalam usaha ini, pihak RISDA telah tidak bersetuju untuk menjelaskan bayaran tanaman semula. Jikalau perkara ini benar, saya rasa pihak Kerajaan perlulah mendapat kerjasama di bawah satu Kementerian yang sama bagi mengagih-agihkan. Jika tidak, saya rasa perkara ini akan membawa kesusahan dan kesulitan. Di samping itu tanah-tanah yang dibekalkan kepada peneroka untuk dusun telah tidak diusahakan sehingga sekarang.

Sebagai contoh, FELDA dekat tempat saya di Sungai Tiang, tidak ditanam dengan sempurna oleh peneroka FELDA ini kerana boleh jadi tidak mendapat satu daya yang baik daripada pentadbiran FELDA sendiri di tempat itu. Jadi, saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat mengambil tindakan bagi menghidupkan dusun ini.

Perkara yang kedua mengenai FELDA ini, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya untuk menempatkan sebahagian daripada masyarakat yang memerlukan pembelaan ini ke dalam rancangan-rancangan FELDA. Tetapi kita telah pun gagal untuk menubuhkan satu masyarakat petani moden di dalam FELDA ini, sehingga sekarang, sehingga pokok akan ditebang, mereka masih mengharapkan pergantungan sepenuhnya kepada Kerajaan untuk memberi bantuan kepada mereka. Mestilah ada suatu program bagi mereka yang perlu dikeluarkan oleh RISDA, bagaimanakah untuk mengurangkan pergantungan peneroka-peneroka FELDA ini kepada pihak Kerajaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Othman bin Abdul: Satu lagi boleh, Tuan Pengerusi, agak dalam dua minit?

Tuan Pengerusi: 20 minit Yang Berhormat berucap itu.

Tuan Othman bin Abdul: Berapa minit, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sudah 20 minit.

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit lagi tidak boleh?

Tuan Pengerusi: Minta gulungan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau begitu saya hendak menggulung dalam perkara ini, cuma hendak menyentuh tentang Butiran

Tuan Pengerusi: Tidak boleh pergi kepada perkara baru. Gulung yang kebelakangan.

Tuan Othman bin Abdul: Jadi, dengan itu saya rasa di dalam pindaan-pindaan Kanun Tanah Negara yang

telah dibuat oleh pihak Kerajaan yang dimasukkan ke dalam Dewan ini perlulah disemak sepertimana jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya iaitu masalah teknikal yang tidak boleh kita buat dan saya hendak merayu sekali lagi kepada Kerajaan supaya sebarang Rang Undang-undang yang hendak dibawa masuk mestilah lengkap supaya kita dapat membincang, membahaskan dengan teliti dan kita luluskan setelah digezet, perlulah dilaksanakan selepas sahaja ianya digezet, tidak menunggu satu tahun untuk ianya dilaksanakan atau dikuatkuasakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.16 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 297 dan saya hendak berucap atas Butiran 2 mengenai Pentadbiran dan Perundangan Tanah.

Tuan Pengerusi, atas perkara Pentadbiran Tanah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Jabatan yang berkenaan dengan masalah permohonan Hak Milik Strata, ataupun dalam Bahasa Inggeris "Strata Titles", dengan izin, oleh pemaju bangunan untuk bangunan bertingkat-tingkat seperti yang dikehendakki dan diwajibkan menurut undang-undang yang sedia wujud iaitu menurut Seksyen 151 (a) Akta Kanun Tanah Negara yang mewajibkan permohonan Surat Hak Milik Strata untuk bangunan bertingkat-tingkat.

Tuan Pengerusi, saya hendak berucap atas masalah ini, masalah permohonan Surat Hak Milik Strata memandangkan bahawa masalah ini merupakan satu masalah yang besar yang berleluasa di kawasan saya. Masalah yang saya hendak tujukan

kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Jabatan yang berkenaan di dalam Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berasaskan tiga aspek. Aspek yang pertama ialah saya hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sejauh mana Seksyen 151 (a) Undang-undang Akta Kanun Tanah Negara telah dikuatkuasakan dengan berkesan. Misalnya sehingga hari ini berapakah pemaju bangunan bertingkat-tingkat telah tidak mematuhi Seksyen 151 (a).

Saya hendak menghuraikan perkara ini kerana mengikut pengetahuan saya iaitu dari maklumat yang saya perolehi dari penduduk-penduduk di dalam kawasan saya, banyak pemaju bangunan bertingkat tinggi belum mengendalikannya permohonan Surat Hak Milik Strata sungguhpun penghuni-penghuni di bangunan-bangunan itu mendesak mereka berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, yang sebenarnya semua pemaju diberi tempoh sehingga 28hb November 1981 untuk memohon Surat Hakmilik bagi bangunan yang telah dijual menurut perjanjian yang ditandatangani di antara para pembeli dengan para pemaju sebelum Seksyen 151 (a) diluluskan oleh Parlimen. Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa mengikut Seksyen 151 (a) ini, khasnya mengenai bahagian yang ke 6 di mana ada disebut di sini, "bahawa sekiranya seorang pemaju gagal mematuhi undang-undang ini dan apabila beliau didapati salah, beliau boleh didenda satu jumlah yang tidak melebihi \$5,000. Dan juga sekiranya pemaju yang berkenaan tidak mematuhi undang-undang ini tiap-tiap hari, beliau boleh didenda tidak melebihi \$1,000 setiap hari." Saya berpendapat bahawa denda yang dikenakan berasaskan kepada peruntukan dalam Seksyen 151 (a), bahagian 6 ini adalah tidak mencukupi dan denda hendak ditambah memandangkan bahawa terdapat banyak pemaju-pemaju yang

sungguhpun undang-undang mewajibkan mereka berbuat demikian tetapi mereka belum mematuhi undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, aspek yang keduanya saya ingin menimbulkan di sini ialah mengenai tempoh memproses permohonan Hakmilik Strata. Dari aduan yang diterima oleh saya, sebagai Wakil Rakyat, nampaknya ada masalah seperti kelambatan, masalah kelewatan untuk memproses permohonan Hakmilik Strata ini dan saya berharap bahawa jabatan yang berkenaan dapat membuat sesuatu bagi tujuan untuk melicinkan ataupun mempercepatkan proses permohonan Hakmilik Strata ini. Bukanlah menjadi tujuan saya untuk membidas jabatan berkenaan tetapi apa yang sebutkan di sini adalah perkara yang benar di mana saya sendiri telah menerima banyak aduan daripada penghuni-penghuni atas perkara ini.

Aspek ketiga yang saya hendak membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga jabatan yang berkenaan, ialah tentang berbagai-bagai bayaran yang dikenakan ke atas permohonan Hakmilik Strata yang hendak ditanggung oleh penghuni-penghuni bangunan ataupun flat-flat rumah-rumah pangsa berkenaan. Saya terpaksa menyebutkan di sini bahawa di dalam Kuala Lumpur, khasnya di dalam kawasan saya, terdapat banyak kes-kes di mana sebilangan besar pemaju yang bersikap oportunistik hendak mengambil kesempatan untuk memaksa penghuni-penghuni membuat berbagai-bagai bayaran seperti bayaran peguam, bayaran ukuran termasuk bayaran Pentadbiran (administrative) yang berlebihan, sehingga pembayaran itu membebankan para penghuni yang berkenaan.

Sungguhpun saya sedar bahawa untuk membolehkan sesuatu

permohonan dibuat untuk mendapatkan Surat Hakmilik maka para penghuni dikehendaki untuk menanggung berbagai bayaran, akan tetapi maksud saya menyebutkan di sini ialah untuk menarik perhatian jabatan berkenaan ataupun Kerajaan berkenaan bahawa bukanlah menjadi tujuan untuk para penghuni bahawa mereka tidak mahu menanggung bayaran ini, mereka mahu, mereka boleh tetapi apa yang saya sifatkan sebagai sangat tidak adil ialah pihak pemaju mengambil kesempatan untuk meleviskan, untuk mechargekan, mengenakan bayaran yang berlebihan yang tadi saya sebutkan telah menjadi satu beban kepada orang yang berkenaan khususnya kepada golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Saya mempunyai bukti terhadap apa-apa yang saya huraikan di sini dan saya boleh tunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri pun boleh tentang apa yang saya sebutkan di sini.

Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa perkara bayaran ini adalah di luar bidangkuasa Kementerian ataupun jabatan yang berkenaan tetapi tujuan saya menghuraikan perkara ini ialah untuk membawa masalah ini kepada perhatian jabatan yang berkenaan, kepada perhatian Yang Berhormat Menteri bagi pihak orang ramai, bagi pihak golongan yang menghadapi kesukaran ini.

Saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan boleh mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan dapat mencari satu jalan untuk memberi satu penyelesaian terhadap ketiga-tiga aspek masalah yang saya sebutkan tadi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

6.28 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai B.62—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Butiran 2.8 Penguatkuasa Akta Penanam Padi.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara Akta Penanam Padi ini saya telah bercakap di Dewan Rakyat ini semasa dua orang Menteri yang dahulu lagi sebelum rombakan Kabinet, yang mendukacitakan saya, tidak ada sebarang perubahan sehingga sekarang ini. Walaupun Akta Penanam Padi ini telah pun dibuat kajian semula untuk dibawa pindaan kepada cadangan-cadangan baharu bagi penyesuaian dengan keadaan semasa, semasa Allahyarham Dr Syed Hussein Waffa yang jatuh dalam kemalangan kapal terbang di Sabah dahulu lagi, jadi sampai sekarang ini nampaknya sudah banyak tahun tidak ada satu pun perkembangan. Walaupun dalam beberapa bulan yang lepas kita dapati ada di dalam akhbar menunjukkan kononnya Akta Sewa-menyewa ataupun Akta Penanam Padi 1973 ini akan dibawa ke Dewan Rakyat ini bagi dibuat beberapa pindaan sejajar dengan penyesuaian keadaan semasa. Apa yang timbul di sini berhubung dengan Akta Penanam Padi ialah Akta ini di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tetapi penguatkuasaannya ialah berhubung dengan sewa-menyewa tanaman padi dan sepatutnya perkara ini berada di bawah Kementerian Pertanian yang berhubung dengan tanaman padi yang melibatkan, mengenai soal sewa-menyewa.

Satu perkara yang menjadi kerumitan di sini ialah kedudukan daripada beberapa perkara di dalam Akta ini yang sampai sekarang ini apabila tidak dibuat pindaan, sudah menimbulkan keraguan dan sekarang ini juga kedapatan tidak ramainya

petani-petani ataupun peladang-peladang padi yang mendaftar ataupun membuat perjanjian di bawah Akta ini dan kadang-kadang ada di antaranya telah menimbulkan berbagai-bagai masalah.

Apa yang berbangkit di sini ialah misalnya mengenai sewa. Sewa hanya ditentukan sebagai tanaman biasa, tanaman semusim sekali dahulu tetapi sekarang ini, misalnya di Kedah, negeri jelapang padi yang banyak mengenai tanaman padi dan kedapatan 37% daripada peladang-peladang di dalam kawasan MADA ini yang tanahnya disewa daripada tuan tanah yang mengerjakan tanah sawahnya, tetapi oleh kerana di bawah Akta ini tidak ada pindaan, hanya masih lagi tanaman padi itu disewa sekali berdasarkan gazet yang dahulu dan sehingga sekarang ini tidak ada penyesuaian, diubah supaya sewanya sejajar dengan nilai yang ada pada semasa.

Dengan yang demikian berlakulah sewa menyewa ini tidak menurut Akta ini sendiri, dan inilah yang pernah saya bangkitkan di dalam Dewan ini dahulu tentang wujudnya tuan-tuan tanah yang tidak berperni kemanusiaan telah mengambil sewa yang tinggi dan tidak menurut Akta ini dan kalau hendak menurut Akta ini, Akta ini sudah tidak sesuai dengan keadaan semasa di mana penetapannya adalah tidak sejajar dengan nilai yang ada pada masa ini.

Lagi satu apa yang menjadi kelemahan di dalam Akta ini ialah kalau sekiranya berlaku sesuatu pertikaian di atas sesuatu tanah. Misalnya yang si penyewa dengan tuan tanah berlaku pertikaian di mana tidak berpuas hati di atas soal sewa menyewa. Mengikut Akta ini mestilah didaftarkan perjanjian sewa menyewa dan di bawah Akta ini juga perlu dibuat perjanjian untuk 3 tahun sekali, dan jika berlaku masalah di bawah Akta ini iaitu di bawah perbicaraan suatu mahkamah orang tengah dan apabila

sesuatu hukuman dibuat atas Akta ini, penguatkuasaannya itu tidak berkesan.

Misalnya, katalah seorang tuan tanah menyewakan tanahnya kepada seorang peladang, tiba-tiba berlaku pertikaian di mana tuan tanah berkehendakkan mengambil balik tanah ini dan bila hendak mengambil balik tanah ini pergilah dibawa di dalam perbicaraan, dan diputuskan di dalam perbicaraan ini di mana tanah ini dipulangkan kepada tuan tanahnya, misalnya. Jadi, walaupun dipulangkan kepada tuan tanah, apabila si penyewa tadi berdegil dan berkeras kepala, dia masih lagi kekal di atas tanah tadi tanpa sesiapa boleh mengambil tindakan, dan bila pergi kepada polis pun, polis kata dia tidak boleh ambil apa-apa tindakan kecuali setelah berlaku pergaduhan.

Begitu juga sebaliknya, kalaulah katanya tuan tanah berkehendakkan mengambil balik tanah daripada si penyewa, tiba-tiba keputusan perbicaraan telah diberikan kepada si penyewa, tetapi oleh kerana tuan tanah ini orang yang keras kepala misalnya, dia telah membawa traktor dan sebagainya, melanggar dan mengambil balik tanah ini. Dan si penyewa tadi tidak boleh buat apa-apa walaupun keputusan mahkamah itu sudah wujud dan kalau pergi kepada polis pun, polis tidak boleh buat apa-apa kerana polis kata selagi tidak berlaku pergaduhan, dia tidak boleh mengambil apa-apa tindakan.

Jadi inilah saya dapati bahawa kelemahan di atas Akta ini wujud dan sekarang ini walaupun kita berkehendakkan penyelesaian yang lebih sempurna dengan meminta supaya peladang-peladang ataupun petani-petani yang menanam padi, terutama kepada mereka yang menyewa tanah dan tuan tanah untuk membuat surat perjanjian sewa, kebanyakannya tidak melaksanakannya, kecuali setelah berlaku pergaduhan atau sebagainya.

Jadi dengan yang demikian saya berharaplah supaya pihak Kementerian ini mengambil perhatian yang serius atas perkara ini kerana kita tidak hendak Akta ataupun undang-undang yang kita buat tidak memberi sebarang kesan dan tidak juga terlaksana sepertimana yang telah berlaku. Perkara ini saya telah bangkitkan semasa bekas Menteri Pertanian dahulu iaitu Dato' Shariff, sampai sekarang ini sudah dua orang Menteri yang bertukar, juga tidak berkesan sepertimana dahulu juga dan tidak ada apa-apa perhatian diambil. Dengan demikian, sekarang ini saya haraplah supaya perkara ini diambil perhatian yang sesungguhnya dan jika tidak, lebih baiklah mansuhkan langsung Akta ini, tidak perlu lagi diwujudkan di sini kerana tanpa

memberi apa-apa kesan kepada perbelanjaan yang diluluskan mengikut peruntukan yang dimohon ini.

Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dimohon.

Tuan Pengerusi: Menyokong juga! (*Ketawa*). Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tiada siapa lagi yang hendak berucap, kita sambung esok sahajalah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.